# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 52 | RABU 26HB DISEMBER, 1979. | 1400 رابو 6 صفر | PERCHUMA


## Manis-nya Iman

FITNAH itu sedang tidor. Allah melaknat siapa2 yang membangkitkan-nya.—HADITH Nabi riwayat Ar-Rafi'e daripada Anas.

## Perayaan Muharram jangan tinggal sa-bagai perayaan saja



YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bersabda sa-jurus sa-belum menutop rasmi Sambutan Tahun Hijrah 1400 yang di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada hari Khamis lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda bahawa suasana yang di-semarakkan sa-panjang bulan Muharram dengan sambutan2 keugamaan jangan-lah hanya tinggal sa-bagai suasana perayaan saja.

Ini tambah Yang Amat Berhormat ia-lah kerana memandangkan kesemua kegiatan dalam achara2 tersebut ada-lah perkara2 yang berkebajikan kapada diri kita sendiri dan berketaatan kapada Allah s.w.t.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bersabda demikian ketika menutop rasmi sambutan tahun 1400 Hijrah yang telan di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini malam Khamis, 20hb Disember lepas.

Dalam upachara penutop yang di-dahului dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Haji Abdullah bin Lakim itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menjelaskan unsor2 ketaatan dan kebajikan itu bukan-lah suatu amalan yang bermusim, kerana kedua-dua-nya telah menjadi chiri2 penting dalam chara hidup kita.

"Dan dengan berkat mengamalkan-nya-lah saya yakin kita sekarang menekmati suasana hidup yang aman, sejahtera dan bermaruah di-negeri Brunei Darussalam ini, insha Allah kita menaroh harapan untok mengekalkan-nya lagi dari sa-masa ka-semasa", sabda Yang Amat Berhormat itu.

Bagaimana pun Yang Amat Berhormat menambah sabda biarpun sambutan2 sudah berakhir, tetapi kesan-nya kita harap akan berterusan.

"Kita tidak akan menjadikan-nya sa-takat ristaan kenangan bahkan lebeh dari itu ia-lah mengambil faedah daripada-nya, maka salah satu faedah yang terpenting ia-lah kita telah mendapat kesan fahaman berugama dan amalan yang betul, tidak berlebeh-lebehan atau me-

Lihat muka 20

## Kedatangan tahun 1400 Hijrah mendapat sambutan meriah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ranchangan mengalu-ngalukan kedatangan tahun 1400 Hijrah telah mendapat sambutan yang meriah dan di-luar dugaan dalam mana masjid2 penoh sesak di-kunjongi oleh umat Islam.

Perlaksanaan menyambut kedatangan tahun itu jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain ia-lah di-ator menurut kehendak negara kita yang menghasratkan Islam sa-bagai Ideoloji Negara dan menjadi chara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Ini kata Yang Berhormat itu lagi, bertujuan untok menyemarakkan shi'ar Islam serta menambah lagi kesedaran berugama di-semua perengkat dengan chara meluaskan ilmu dan amalan2 Ugama Islam dengan sa-tegas2-nya baik di-perengkat rasmi atau tidak rasmi.

Beruchap dalam majlis menutop rasmi sambutan tahun 1400 Hijrah sa-lama sa-bulan yang di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini malam Khamis, 20hb Disember lepas, Yang Berhormat itu berharap, semoga Allah s.w.t. memberkati do'a kita memohon di-pelihara dari godaan shaitan, di-beri kekuatan melawan nafsu dan di-beri kemudahan beramal mendekatkan diri kapada Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di-pembukaan rasmi sambutan itu, tambah beliau, berharap mudah-mudahan sambutan yang di-adakan sa-lama sa-bulan itu akan memberi pendekatan diri kita kapada Allah dan mendorong kita berpegang tegoh kapada ajaran2-Nya.

Titah Baginda itu juga kata-nya, menjelaskan perlaksanaan dalam ranchangan kemajuan negara yang sentiasa mengambil berat perkembangan Ugama Islam sesuai dengan taraf-nya dalam perlembagaan dalam mana masjid2 sentiasa di-dirikan dan telah pun di-gunakan.

Mengenai ranchangan2 sambutan saperti majlis Khatamal Kor'an penuntut2, Yang Berhormat itu menjelaskan, ia-nya bertujuan untok menimbulkan semangat kanak-kanak supaya bergiat mempelajari bachaan Al-Kor'an.

Demikian juga kata-nya, majlis bimbingan anak2 yatim ia-nya di-hasratkan untok mendekatkan fahaman mereka kapada pembentokan diri sa-bagai anak2 yang saleh yang boleh memberi menafaat kapada orang tua mereka yang telah meninggal dunia.

Di-samping itu beberapa ranchangan saperti foram belia, pameran mereka pakaian wanita Islam, peraduan bagi saudara2 baru, cheramah dan lain2-nya ada-lah di-harapkan bagi mendekatkan belia2 kapada menghayati kehidupan sa-bagai sa-orang muslim.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, Radio Talivishen Brunei turut memainkan peranan dengan berbagai-bagai ranchangan keugamaan di-samping menyediakan ranchangan ta-

Lihat muka 20



Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria beruchap sa-laku wakil peribadi Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM di-majlis pembukaan rasmi Kursus Sivik Guru2 Sekolah Rendah Sa-negeri.

## Guru2 di-harapkan memberi panduan dan pimpinan kapada orang ramai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru2 ada-lah di-harapkan untok memberi panduan dan pimpinan kapada orang ramai terutama pendudok2 kampong pada memahami dan melibatkan diri bersama bagi menolong kerajaan menchapai mana2 matalamat yang di-hasratkan.

Usaha demikian ia-lah bagi menarek dan menyakinkan orang ramai terhadap usaha2 kerajaan yang di-buat untok perkembangan negeri dan bagi melihat sa-jauh mana penglibatan guru2 untok menolong penchapaian yang di-hasratkan oleh kerajaan itu.

Ini telah di-tegaskan oleh Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dalam uchapan perasmian Kursus Sivik bagi Guru2 Sekolah Sa-negeri yang telah di-sampaikan oleh YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria.

Dalam majlis yang berlangsong di-Surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Ahad lalu, Yang Teramat Berhormat mengingatkan guru2 bahawa untok menchapai maksud itu ada-lah mustahak terlebeh dahulu mereka memahami dan yakin akan mana2 hasrat Kerajaan.

"Kefahaman dan keyakinan itu tentu-lah mudah di-timbulkan kerana sa-bagai kumpolan profeshenal yang berkesedaran, mudah pula sedar akan hal ehwal kerajaan dalam apa jua yang di-hasratkan bagi kepentingan negeri dan raayat pada keselurohan-nya", kata Yang Teramat Berhormat.

Terdahulu dalam uchapan itu Yang Teramat Berhormat Pehin Isa juga berkata ada-lah di-sedari bahawa penglibatan guru dalam bidang perguruan di-lakukan sa-chara sedar dan penoh kerelaan, maka golongan guru ada-lah kumpolan yang di-perchayai mempunyai kesedaran terhadap peranan dan kedudokan masing2.

Bagaimanapun Yang Teramat Berhormat menjelaskan guru2 ada-lah perlu meningkatkan kesedaran

Lihat muka 20

## Tuntutan persamaan hak tidak timbul di-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seruan2 menuntut hak wanita dalam erti-kata kebebasan-nya dan persamaan taraf-nya dengan lelaki tidak pernah di-timbulkan dan di-bangkit2 serta di-ungkit2 oleh mana2 pertubohan wanita di-negeri kita ini sa-bagaimana yang selalu terjadi di-negeri2 lain.

Ini bukan-lah kerana di-sebabkan pemimpin2 pertubohan wanita di-negeri ini bersikap pasif lalu mengabaikan perkara hak yang di-anggap penting dan sa-olah2 perkara yang menen-

Lihat muka 20

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

26HB DISEMBER, 1979.

بسم الله الرحمن الرحيم

## SELAMAT MENEMPOH 1980

HARI INI ada-lah keluaran terakhir Pelita Brunei bagi tahun 1979 dan minggu depan kita sudah memasoki gerbang 1980 dan tahun hijrah 1400 kita telah berada di-dalam-nya lebeh sa-bulan dengan membekalkan kapada kita perutusan2 penting dalam menyedari hakikat2 kita sa-bagai orang Islam. Memang tidak dapat di-nafikan bahawa sambutan 1400 tahun hijrah banyak memberikan sumbangan2 yang amat berguna dalam penghayatan Islam bagi kalangan orang2 Islam sendiri. Apa yang ternyata di-tinggalkan oleh sambutan2 di-merata2 negeri ini ia-lah budi-bichara kita yang selanjut-nya dalam menyemarakkan shi'ar Islam itu. Dalam hubongan ini kita teringat akan saranan yang di-buat di-antara sharahan2, hujjah2 foram dan uchapan2 yang di-luahkan di-sepanjang sambutan itu bahawa jika sambutan2 itu hanya tinggal begitu saja tanpa usaha lanjut, maka ia tidak akan memberi erti apa2 melainkan meninggalkan kengalihan, membazir wang dan masa dan hanya tinggal sa-bagai ristaan yang tidak menguntongkan dan lebeh tidak berguna lagi jika ia di-sifatkan sa-bagai melepaskan batok di-tangga sahaja. Maka itu persoalan yang demikian ini harus menarek perhatian semua pehak dalam semua aspek yang di-timbulkan di-sepanjang sambutan itu. Umpama-nya dalam hubongan pertumbohan masjid2 baru dan mengisikan masjid2 pada waktu2 bersembahyang; dan, pelaksanaan disiplin ka-sekolah2; serta, umat Islam dengan pemeliharaan ugama yang mereka anuti itu. Tiga jurusan yang di-timbulkan ini kita kira masing2 memerlukan beban-lanjut terutama dalam segi praktis-nya.

Jenerasi Islam yang paling ramai berada di-sekolah2 dan maktab2 dan pelaksanaan disiplin yang di-lancharkan mengambil peranan penting bukan saja tentang diri mereka selaku orang2 Islam bahkan tentang diri mereka selaku jenerasi yang bakal menerajukan negara ini pada satu ketika nanti kerana mereka itu ada-lah tenaga2 yang bakal menyambong khidmat orang2 yang ada. Hanya yang tinggal sekarang ia-lah sa-jauh mana disiplin yang di-gariskan itu dapat di-laksanakan dan dapat di-pakai oleh mereka yang berkenaan. Di-sini-lah usaha lanjut mengambil tempat dan menchari jalan bagaimana untok mensebatikan disiplin itu ka-dalam perangai harian kanak2 atau penuntut2 yang sudah dewasa. Bagaimana pun ia tetap menempoh kemenangan jika memang menjadi amalan apa yang di-katakan oleh pepatah "menyanchang basesaban, melompat berlandasan dan kata bersahut, gayong bersambut."

Tentang umat Islam dengan pemeliharaan ugama yang mereka anuti itu memang-lah menjadi kewajipan mereka untok mempertahankan kesuchian-nya dan mengelakan penchemaran2 yang mungkin menjejaskan nama baik Islam itu. Ini memang tidak dapat di-pertikaikan lagi kerana ia ada-lah kewajipan mutlak sa-tiap Umat Islam itu. Namun demikian antara perkara2 penting yang perlu di-perhatikan ia-lah hubongan persaudaraan dalam Islam. Islam sama sekali tidak mengkehendaki perpechahan malah menuntut perpaduan yang kukoh. Ini-lah yang patut benar di-ambil perhatian oleh Umat Islam terutama dalam berlaboh di-antara gelombang2 hidup yang kadang2 menchabar sifat2 yang di-tuntut oleh ugama itu. Ada-lah di-akui bahawa gelombang hidup hari ini ada-lah satu era perlumbaan dan memang juga di-akui bahawa Islam menuntut umat-nya berlumba2 untok menchari kemenangan di-dunia dan di-akhirat. Tetapi dalam soal menchari kemenangan di-dunia ada kala-nya kita terlupa terhadap perkara2 yang tidak patut di-lakukan. Maka jika ia terlanjur di-perbuat, hasil-nya perselisehan, perbelahan dan akhir-nya perpechahan dan tinggal-lah kemenangan dunia kita itu tidak selari dengan apa yang di-tuntut oleh Islam yang bakal berkesudahan dengan kemudharatan.

Sa-sunggoh-nya, tahun2 yang kita tinggalkan serba-sedikit membekalkan pengajaran2 dan mudah2an tahun baru yang kita tempoh ini akan membekalkan petunjok2 untok kesempurnaan di-dunia dan akhirat.
Selamat tahun baru.

## PADA HEMAT SAYA....

# "JADI UTAP"

> "KALAU orang macham kitani ganya kan ashek memikirkan diri-nya selamat, membiarkan orang lain atau negeri kitani ani di-landa fitnah binchana, maka inda tah lagi ada kan di-harap untok kitani dan anak chuchu kitani berkehidupan sempurna nanti . . ."

TIDAK saya menduga ada orang meramalkan dalam dua tiga minggu akan datang saya akan tidak sedap tidor.

Tapi begitu-lah beberapa hari yang lepas, ketika di-Pasar Ikan kebetulan terserampak dengan sa-orang kenalan, saya menyapa-nya dan dia mengunjok tangan bersalaman sambil tangan-nya yang sebelah lagi menarek saya ka-tepi sa-kira2 jauh sedikit dari orang lain. Dia saperti bergurau meramalkan demikian.

Kalau dia meramalkan saya akan kurang tidor maka itu perkara biasa. Saya memang-nya selalu kurang tidor. Tapi untok tidak nyaman tidor tentu-lah ada sebab2 lain, dan saya rasa tidak ada sebab2 itu. Apatah lagi sa-lama ini kalau saya tidor lewat pun saya begitu nyenyak dan lena. Ma'ana-nya saya betul2 istirehat!

### RAHASIA

Jadi saya tanyakan kapada-nya : "Mengapa?"

"Waleh jua inda tau," kata-nya selamba. "Sendiri yang membuat-nya patut tau tah . . ." Dia saperti mengagak yang saya sengaja berdaleh.

Kata2-nya yang akhir itu mengandongi sa-macham rahasia. Dan rahasia itu sa-olah2 mahu saya sembunyikan. Tapi apa? Dan mengapa sampai begitu ?

Bimbang juga saya di-buat-nya. Entah2 dia tahu sa-suatu yang tidak baik tentang saya, dan perkara itu akan merunsingkan saya. Tapi soal-nya maseh sama juga. Apa dan mengapa.

"Ada apa2-kah yang di-dengar?" Saya sengaja membenamkan rasa bimbang sambil menanyakan begitu. Saya faham kalau ketara kebimbangan itu orang saperti-nya yang sa-kadar tahu meramal akan kesedapan pula membiarkan saya terus bimbang dan dengan itu mungkin 'betul' pula ramalan-nya : Saya akan tidak nyaman tidor!

Apa tidak-nya, siapa2 pun kalau di-buru bimbang tentu sampai ka-tidor pun akan igau-igauan.

Tapi sa-takat yang saya rasa tidak ada hal yang patut membuat saya jadi buruan bimbang begitu. Entah-lah kalau kenalan saya yang baik hati ini ada mengetahui sa-suatu yang saya sendiri tidak ketahui mengenai hal yang melibatkan diri saya. Ma'alum saja-lah dalam dunia ini, bukan-nya kita berseorangan saja yang menempati ruang2 kehidupan, ada banyak lagi jasad di-kiri kanan, di-atas di-bawah, dan di-depan di-belakang. Dan yang di-belakang itu-lah biasa-nya selalu membuat kita kena penyakit uri.

### JASAD DAN RUANG

"Astaga . . ." tiba2 dia bersuara. Sekali gus saya terhenti mengalamun berfikir tentang 'jasad' dan 'ruang' itu. "Bukan lagi dengar-dengaran, anu yang terang nyata," sambong-nya dengan senyum sambil mengeluarkan kotak rokok dari saku baju-nya.

Tapi aneh-nya senyuman-nya itu sedikit pun tidak melambangkan apa2 kekhuatiran. Mungkin apa yang di-ketahui-nya akan menyebabkan saya tidak akan nyaman tidor itu tidak begitu serious. Mungkin pula dia tahu hal itu benar2 akan menganggu fikiran saya dan dia shok kalau saya di-timpa gangguan begitu.

Saya chuba sabar menahan gelora ingin tahu apa sa-benar-nya. Sunggoh saya tidak dapat mengagak-agak. Kerana perchakapan kami dari awal-nya sa-chara kebetulan dan tiba2.



UTAP atau perisai memang jadi pelindong dan sekali sa-kala jadi penolak senjata lawan. Gambar ini ia-lah sa-takat chontoh utap dan tidak ada kaitan-nya dengan maksud tulisan ini.

Tidak ada karinah awal yang sa-kira2 mendekatkan fahaman saya untok menyelami apa yang di-maksudkan-nya.

"Kalau terang nyata itu bukan-lah rahasia" saya chuba memerangkap-nya. "Jadi bukan anu batapok-tapok ?" kata saya lagi sambil ketawa. Dan sengaja ketawa saya itu saperti mempermainkan bukan saja ramalan-nya tapi juga diri-nya.

"Tentu tah miatu" jawab-nya rengkas.

"Kalau miatu bukan tah anu yang jadi dosa."

"Inda pulang . . . ganya kan jadi hal."

"Apa2 pun boleh jadi hal, tapi hal yang bukan di-sebabkan oleh dosa inda tah patut kan inda menyamankan tidor."

### MEMERANGKAP

Saya merenong ka-muka-nya melihat sa-jauh mana kata2 memerangkap-nya itu di-sedari-nya. Tidak ada tanda2 dia sedar. Lalu saya memerangkap-nya lagi. "Ani sengaja meramal2 inda baujong bapuhon. Ganya kan menambah dosa barangkali?"

"Astaghafarullah," dia beristighfar panjang dan faseh.

"Bahapa tah pulang kan menambah dosa, memberitahu macham ani patut-nya kan menambah pahala" kata-nya sa-olah2 kesal.

"Benar . . . boleh menambah pahala kalau anu yang bakebajikan." Saya mengatakan itu sambil ketawa yang di-sengajakan sa-kira2 dia makin terasa saya mempermainkan-nya dan ramalan-nya.

"Inda bakebajikan apa jua, kan mengingatkan ustaz, barangkali ustaz terlupa." Kelihatan ayer muka-nya kesal, dan kata2-nya benar2 saperti dia kesal tentang sikap saya.

Saya yakin dia sudah terperangkap.

"Bah, mun miatu beritahu tah apa dia?"

Saya ketawa. Dia turut ketawa tawar.

"Jangan lagi tanguh2 kalau kan bapahala" saya membangkitkan semangat-nya untok mendapatkan kembali keperchayaan-nya yang saya mengambil perhatian kapada ramalan-nya itu.

"Anu atau bah, anu ustaz tulis mengenai membachang-bachang atu. Memberi ijab, kalau tah orang ingin kan bajahat pula ka ustaz!" Kata2-nya itu serious dan saya mendengar-nya pun serious. "Orang faham apa ustaz maksudkan, walau pun ustaz tulis dengan gaya macham atu. Apa lagi orang yang berkenaan yang membachang-bachang atu, tentu tah dia terasa," sambong-nya.

Saya mengikuti sa-patah demi sa-patah kata2-nya itu sambil chuba menunjokkan saya mengambil berat ingatan yang terkandong di-dalam-nya. Betul. Kalau orang ingin dan sengaja hendak berjahat kapada saya tentu di-balas-nya dengan membachang-bachang saya pula. Dari mula2 saya pun mengjangka begitu.

### RASIKO

Menulis perkara2 keburokan sa-memang-nya mempunyai rasiko yang banyak. Tapi sa-banyak mana pun rasiko-nya telah saya timbang2 tidak-lah sa-berat pahala yang patut saya dapat. Sebab saya menulis-nya — saperti juga kalau menchakapkan-nya waktu bersharah — bukan dengan niat menjahat2-kan. Tapi yang saya 'target'-kan ia-lah kita semua patut menyedari perkara2 keburokan itu. Ma'alum saja-lah, sunggoh pun kita ini pada keselurohan-nya 'tahu' tentang jahat baik sa-suatu tapi ada waktu2-nya pula kita tidak 'menyedari' dan 'menginsafi-nya'.

Niat dan maksud saya yang terpenting ia-lah untok kita sama2 berfikir insaf itu!

"Masaalah siapa2 terasa tidak berbangkit," saya menyahut ingatan-nya itu sedang saya faham benar begitu-lah selalu-nya kalau siapa2 yang termakan lada tentu-lah terasa pedas-nya.

"Nah . . . atu tah inda beringat2 nama-nya," dia menguchapkan kata2 itu jauh ka-dalam kerongkong-nya sa-kira2 tidak kedengaran oleh orang lain yang melintas di-keliling kami berdiri itu. "Baik jua ustaz tau beringat2 mengenai apa2 ani . . . jangan kan berlurus saja!" Suara-nya kedengaran parau kerana datang-nya terlalu jauh dari kerongkongan. Geli juga hati saya di-buat-nya.

"Tapi berlurus atu inda ma'ana-nya inda tau beringat2. Sebab tau beringat2 atu tah saya inda suka belingkok, salah kan miatu atu?" Saya sengaja menanya-nya begitu untok melembutkan suara-nya apabila nanti dia meneruskan kata2-nya.

Dia ketawa releks. "Jangan tah di-tanya miatu, ustaz pun sudah sedia ma'alum. Ganya kalau anu lurus atu inda kena gaya-nya, mudah tah kena lingkok-lingkok kalau pun inda kena patah-patah!" Dia terus ketawa dan saya menyertai-nya saperti menyetujui kata2-nya itu.

"Benar tu! Tapi apa yang inda kena gaya-nya anu yang tulis atu?"

"Inda tah pula tau kan menyebutkan-nya. Ganya dengan menulis anu miatu atu banyak orang dapat menyangka macham2, terutama-nya anu membachang-bachang atu tersebar luas, ramai orang tahu. Jadi bila ustaz tulis ada tah nanti orang bekurapak: nah . . . lihat tu, ustaz ani sudah lain gaya-nya, mudah kan mau jadi utap . . ."

'Inda mengapa," saya memotong chakap-nya, "bila2 masa pun patut kitani ani jadi utap, apalagi utap melindongi dari bahaya dan fitnah binchana."

"Tapi, jadi utap atu payahkan selamat," jawab-nya bersahaja, dan jawaban-nya itu memang lojik. Utap atau perisai memang jadi pelindong dan sekali sa-kala jadi penolak senjata lawan. Tentu-lah utap itu terok dalam berkhidmat sedemikian itu.

Tapi sa-kejapan itu juga saya segera teringat kata2 yang belum lama pernah saya dengar sendiri dari sa-orang, dan pada hemat saya tepat untok saya ulangkan sa-bagai menjawab lojik orang yang meramalkan saya akan tidak nyaman tidor akibat tulisan saya baru2 ini: "Kalau orang macham kitani ganya kan ashek memikirkan diri-nya selamat, membiarkan orang lain atau negeri kitani ani di-landa fitnah binchana, maka inda tah lagi ada kan di-harap untok kitani dan anak chuchu kitani berkehidupan sempurna nanti . . .!"

Sunggoh. Kata2 itu sertamerta saya ingat waktu menutop perchakapan dengan kenalan yang baik hati itu, dan saya perchaya dia akan selalu teringat kata2 itu apabila terserampak saya di-mana2 nanti.

Dan dengan 'menghayati' kata2 itu insha Allah saya berharap tidak akan di-buru kebimbangan2 sa-hingga tidak sedap tidor. — *Ketua Pegawai Penerangan.*



# START OF NEW CENTURY CELEBRATIONS END

BANDAR SERI BEGAWAN.—The state's month-long celebrations of the New Moslem Year of 1400 Hijrah ended with closing ceremonies held at mosques in every district last week.

In the Brunei-Muara District it was held at the Sultan Omar Ali Saifuddin mosque here and was attended by among others the Mentri Besar, the YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, the State Secretary and other senior government officials (picture at left).

At the Hassanal Bolkiah Mosque in the Tutong District, the occassion was attended by the Tutong District Officer, Awang Hj Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah.

In Belait and the Temburong districts, the ceremonies were held at the Mohammed Alam and the Utama Mohammed Salleh mosques respectively.

The acting Belait District Officer, Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammed was among those present at the event held at the Mohammed Alam Mosque in Seria.

In Bangar, it was attended by the Temburong District Officer, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

All the ceremonies started with the 'Magrib' evening prayers which were then followed by Quran Reading presentations.

There were also speeches delivered by VIP's as well as special talks on Hijrah by officials from the Religious Affairs Department.

Right up to the closing ceremonies several occassions were held throughout the country.

These included a forum on the Role of Young People in an Islamic Society held at the Youth Centre here.

It was organised by the Brunei State Youth Council and chaired by a local lawyer, Awang Abbas bin Haji Seruddin.

The panel consisted of four youth development leaders namely, the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman; Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani; Pengiran Mohammed bin Pengiran Haji Abdul Rahman and Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman.

Separate Khatamal Quran ceremonies were also held here and in the other districts.

At the Hassanal Bolkiah Boys Arabic School here a ceremony was held for nineteen students of the school and witnessed by the Director of Welfare, Youth and Sports Department, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

The Staffs of the Medical and Health Services Department here held a similar ceremony at the Nurses Hostel in the presence of the Chief Kathi, Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal.

The one in the Tutong District for nineteen women students of Adult Quran Classes took place at the Pengiran Anak Puteri Norain Religious School.

The guest of honour was Dayang Dayang Diraja Datin Setia Utama Rosnah binte Abdullah, wife of the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan.

Two other events were at the Pengiran Muda Muhammed Bolkiah Religious School namely, a course for Moslem converts and a khatamal Quran.

In the Belait District, an exhibition on the Moslem women's Dress and Handcraft organised jointly by Belait Women's Institute, Pertiwi and Women Welfare Association was held at the Kuala Belait Civic Centre.

At the Pengiran Anak Puteri Rasidah Sa'adatul Bolkiah Religious School in Seria, a Quran reading competition for employees of government departments in the Belait District was held.

# NEW CONSUMER PRICE INDEX

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Economic Planning Unit has now completed a new Consumer Price Index (CPI) based on the results of the Household Expenditure Survey conducted for the whole country for the full year 1977. This new CPI will replace the present index known as the Cost of Living Index which has been in use since 1963.

Since 1963 there has been marked changes in the consumption pattern of the average household and with greater affluence and the advent of technology the people are now buying better quality goods and more non-food commodities. For example the average household expenditure on food has fallen from 80% as depicted in the present cost of living index to about 45% in the new CPI.

The new CPI constitutes a much larger basket of goods and services than the present COL index and as 1977 has been taken as a base year, the new CPI will reflect the price changes of a particular month compare to the average prices for the year 1977.

The table on page 7 presents the indices by groups for the year 1978 as well as for October, 1979. For example the new CPI for all commodities has increased to 106.4 for 1978 indicating a 6.4 percent increase over the year 1977 and has again increased to 114.2 for October, 1979 indicating a 14.2 percent increase over 1977 and a 7.3 percent increase over 1978.

The CPI for the month of November, 1979 onwards will be released regularly every month in future.

## Orphans and fire victim receive donations

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orphans and a fire victim here last week received a sum totalling over one thousand and five hundred dollars from three donors.

Awang Haji Abdul Rahim bin Saat whose house at Kampong Manggis gutted by fire recently, received one thousand three hundred and forty dollars.

It was from the residents of Kampong Manggis, Sungai Tilong, Madang and Sungai Akar in Jalan Muara and the TIBA Association of the Brunei-Muara district.

The sum was handed over to the Director of the Welfare, Youth and Sports Department, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

Meanwhile the Student Club of the Sixth Form Centre in Jalan Gadong donated more than two hundred dollars to the Brunei-Muara District Orphans Fund.

It was handed over by the Club's president, Malai Haji Mansor bin Sheikh Mohammed to the Director of Resettlement who is also the chairman of the fund, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

The ceremony was held at the chairman's office here.

The fund has so far received more than fifteen thousand dollars in donations.

## Private locked bag service

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Public is notified that the Private Locked Bag Service in the Postal Services Department Brunei has to date been offered free of charge to its users.

It is decided that with effect from 2nd January 1980 a fee of $30.00 will be charged for a period of 12 months for every private locked bag used.

Further details of this service can be obtained from the Superintendent of Posts (Mail) or the Controller of Posts.

It is also notified for general information that the sale of Malaysian Postal Orders will be introduced in all Brunei Postal Services with effect from January 2.

## Electrical course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty-five officials from the Departments of Electrical and Public Works in the state last week completed a course on 'Planned Maintenace for the Brunei Electrical Department' at the Youth Centre here.

The three-week course organised by the Electrical Department was aimed at equipping the participants with the neccessary skills in promoting good working condition and efficiency as well as to develop a sytematic way of working.

It was conducted by three lecturers from the Crown Agents in London namely, Mr D Ogoden, Training Adviser in power plant; Mr P Terrel, the Agents' Head and Mr J Theaker, the Training Adviser of the Agents.

## Schools mark Education Day

TUTONG. — The Education Day Celebrations, the theme of which this year is 'Children's Education is the basis of the country's development' continued at various schools in the state last week.

It was launched in July this year at a ceremony held at the auditorium of Radio Telivision Brunei in Bandar Seri Begawan by the Attorney General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.

The first event was held last week by the Muda Hashim Malay Secondary School here.

The programme included a display of craftmanship by wood-work students.

There was also a prize presentation ceremony to the outstanding students in their studies and in sports.

Among those attended the function was the Tutong Land Officer, Awang Saifon bin Awang Besar.

At the Perdana Wazir English School in Kuala Belait, it was attended by the Acting Deputy Director of Education Awang Ali Hashim bin Haji Mohammed Daud.

In Bandar Seri Begawan, the first school to celebrate the event was the Sultan Omar Ali Saifuddin College.

It started with the Quran reading presentation by Awang Hamidon bin Awang Damit, one of the college students.

The students later heard a talk by a special guest, Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar, Chief Religious Education Section of the Religious Department.



The pupils of the Brunei Malay Teachers Association School last week held their annual concert at the hall of the SMJA Secondary School in Bandar Seri Begawan.

The programme included musical performance by the school band formed three months ago.

At the end of the show, the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (above) presented prizes to the school's outstanding pupils.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

# TIDAK MAHU ANAK KERANA TAKUT PAPA

ALLAH Ta'ala telah mencheritakan perihal orang2 yang takut tak makan dalam Al-Kor'an ayat 137 Suratul An'am:

وَكَذَالِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَادِهِمْ شُرَكَاؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَلَوْشَاءَ اللهُ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ.

Tafsir-nya: *"Sa-bagaimana shaitan2 dan jin dan penjaga2 berhala itu menggalakkan orang2 mushrikin supaya di-untokkan kapada Allah sa-bahagian dari tanaman dan binatang2 bela'an mereka, begitu juga shaitan2 itu menggalakkan kebanyakan daripada orang2 mushrikin membunoh dan menanam hidup2 anak2 mereka kerana takutkan papa dan menanam hidup2 anak perempuan kerana takutkan malu."*

Saperti yang telah di-riwayatkan 'ulama tafsir daripada Ali bin Talhah daripada Sahabat Ibnu Abbas dan daripada Mujahid dan Abdul Rahman bin Zaid bin Aslam dan Qatadah dan As-Suddi bahawa tujuan shaitan2 itu ia-lah hendak membinasakan orang2 mushrikin itu dan supaya mereka menchampur-adokkan ka-atas mereka perkara2 ugama mereka. Semua-nya berlaku dengan kehendak Allah jua, dan kamu biarkan-lah mereka dengan perkara mereka itu dan Allah akan menghukum mereka. (Dari Tafsir Ibnu Kathir dan Al-Alusi).

## SAMA

Kemudian Allah Ta'ala memberitahu akan kesudahan orang2 yang takut papa itu lalu membunoh dan menanam anak mereka lelaki dan perempuan sa-chara hidup2 supaya tiada kurang harta mereka kerana di-makan atau di-belanjakan kapada anak2 mereka. Hal keadaan orang2 itu samalah dengan keadaan puak Maddiah atau Kebenda'an atau puak Ekonomi Kebenda'an yang ada zaman sekarang.

Firman Allah dalam Suratul An'am ayat 140:

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللهُ افْتِرَاءً عَلَى اللهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ.

Tasir-nya: *"Sa-sunggoh-nya rugi-lah mereka yang telah membunoh anak2 mereka dengan bodoh tiada berilmu. Dan mereka telah menyempitkan diri mereka pada menggunakan harta kekayaan dan mereka mengharamkan ka-atas mereka benda2 yang tiada di-suroh Allah haramkan, dan mereka akan pergi ka-tempat yang telah pun hina di-akhirat kelak dengan sebab mereka membuat dusta ka-atas Allah Ta'ala* (Dari Tafsir Ibnu Kathir dan Al-Jalalain).

## PESAN ALLAH

Kemudian Allah Ta'ala melarang orang2 mushrikin itu dari membunoh anak2 kerana takut papa di-sebab-

## Siri ke-12

kan konon-nya anak2 itu akan hidup bersama mereka dan memakan harta benda mereka.

Firman Allah Ta'ala, Suratul An'am ayat 151:

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ: أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا، وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ، وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ.

Tafsir-nya: *"Katakan-lah oleh mu wahai Rasulullah kapada orang2 mushrikin itu: mari kamu saya bachakan apa yang Allah Ta'ala, Tuhan kamu telah haramkan ka-atas kamu, dan ia berpesan kapada kamu ia-itu jangan kamu menyekutukan sa-suatu dengan Allah Ta'ala, Tuhan kamu; dan hendak-lah kamu berbuat baik dan ihsan kapada ibu bapa kamu; dan jangan-lah kamu membunoh anak2 kamu kerana sebab takutkan papa dan takut habis harta kamu. Kita menjamin rezeki kamu. Dan jangan-lah kamu hampirkan diri kapada dosa2 besar atau dari zina samada berterang2 dan bersulit2. Dan jangan-lah kamu bunoh diri manusia yang telah Allah larang membunoh dan mengambil nyawa mereka — melainkan dengan sebab perkara yang benar saperti bunoh orang di-balas bunoh dan thabit berzina di-bunoh sa-chara di-rejam dengan batu sahingga mati. Itu-lah perkara2 yang telah Allah Ta'ala, Tuhan kamu berpesan kapada kamu supaya kamu berakal dan berfikir pada perentah dan larangan Allah, Tuhan kamu itu."* (Dari Tafsir Ibnu Kathir dan Al-Baidhawi).

Itu-lah pesan Allah menyuroh orang2 mushrikin itu mengerjakan-nya. Itu-lah hidayat Allah yang sayugia mereka terima dan pakai.

Firman Allah Ta'ala dalam Suratul Isrra' ayat 31

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا.

Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala melarang jangan kamu membunoh anak2 kamu kerana sebab takutkan papa. Kita (Allah) menjamin rezeki mereka dan memberi kamu makan. Kerana bahawa membunoh anak2 itu ada-lah suatu kesalahan yang besar".*

## DOSA BESAR

Menurut hadith Sahih yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Sahabat Abdullah bin Mas'ud, saya (Abdullah bin Mas'ud) bertanya: "Ya Rasulullah, apa dosa yang lebeh besar?" Sabda Baginda:

أَنْ تَجْعَلَ لِلّٰهِ نِدًّا وَهُوَ خَلَقَكَ

Erti-nya: *"Kamu jadikan, bagi Allah itu suatu sekutu pada hal Allah Ta'ala yang menjadikan kamu".* Saya kata: *"Kemudian apa lagi?"*

Sabda Baginda:

أَنْ تَقْتُلَ وَلَدَكَ خَشْيَةَ أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ.

Erti-nya: *"Kamu bunoh anak kamu kerana takut dia makan bersama2 kamu."* Pada sangkaan kamu nanti habis harta kamu).

Saya kata: *"Kemudian apa lagi?"*

Sabda Baginda:

أَنْ تُزَانِيَ بِحَلِيلَةِ جَارِكَ.

Erti-nya: *"Kamu berzina dengan isteri jiran kamu dan hamba-nya."*

Ini-lah sa-tengah dari wahyu Allah yang di-turunkan kapada Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wasallam) bagi di-sampaikan kapada manusia. (Dari Tafsir Ibnu Kathir).

## KELAKUAN MUSHRIKIN

Allah Ta'ala telah mengkhaburkan kelakuan orang2 mushrikin dalam Al-Kor'an pada firman-nya dalam Suratun Nisa', ayat 117-121:

إِنْ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا إِنَاثًا، وَإِنْ يَدْعُونَ إِلَّا شَيْطَانًا مَرِيدًا.

Tafsir-nya: *"Tiada mereka menyembah yang lain daripada Allah melainkan mereka menyembah berhala patung betina saperti Al-Lata dan Al-'Uzza, dan tiada-lah mereka menyembah melainkan mereka menyembah shaitan (iblis) yang degil tiada ta'atkan Allah. Kerana ta'atkan shaitan itu mereka menyembah berhala2 itu.*

لَعَنَهُ اللهُ. وَقَالَ لَأَتَّخِذَنَّ مِنْ عِبَادِكَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا.

Tafsir-nya: *"Allah melaknatkan shaitan yakni iblis itu, dan ia berkata: neschaya aku akan jadikan daripada hamba mu satu kumpolan daripada mereka dan ku seru mereka mengikut ta'at kapada ku".*

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ آذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللهِ، وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ اللهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُبِينًا.

Tafsir-nya: *"Iblis mengatakan: Neschaya aku akan sesatkan mereka itu dengan jarum was-was, dan akan ku hiaskan mereka dengan chita2 dan angan2 yang karut2, saperti mahu hidup sa-lama2-nya; saperti mengatakan: tiada ada bangkit dari kubor dan tiada ada seksa; dan akan ku suroh mereka lalu mereka menebok lobang telinga binatang ternakan (orang Arab Jahiliyah menebok telinga binatang sa-bagai tanda binatang yang di-biarkan hidup bebas bagi faedah berhala dan khas di-untokkan bagi berhala2 yang mereka sembah). Dan akan ku suroh mereka lalu mereka mengubah dan meminda makhlok Allah daripada rupa asal-nya. Maka barangsiapa menjadikan shaitan itu kawan dan penyokong-nya neschaya ia tetap rugi dengan sa-benar2 rugi."*

يَعِدُهُمْ وَيُمَنِّيهِمْ وَمَا يَعِدُهُمُ الشَّيْطَانُ إِلَّا غُرُورًا.

Tafsir-nya: *"Shaitan menjanjikan mereka dengan janji2 kosong dan ia menghiaskan mereka dengan angan2 palsu dan hanya janji2 shaitan itu ia-lah janji2 yang palsu. Maka shaitan itu berjanji bahawa mereka akan panjang umor dan akan mendapat apa2 yang di-chita2-kan mereka dan tiada-lah ada bangkit dari kubor serta tiada ada balasan jahat baik".*

أُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَلَا يَجِدُونَ عَنْهَا مَحِيصًا

Tafsir-nya: *"Itu-lah orang2 yang ketempatan mereka di-dalam neraka jahanam, dan tiada-lah mereka dapat lari dari neraka itu."* (Dari Al-Jalalain).

Begitu-lah balasan mereka yang mengubah rupa makhlok Allah Ta'ala dari rupa yang sedia ada Allah Ta'ala jadikan kapada lain rupa.

Kitab2 feqah ada menerangkan perkara menyambong rambut kepala, mengasah gigi, berchelak, berginchu, berinai, mengandam kening dan sa-bagainya. Hadith2 Sahih telah mengutok dan melaknat mereka yang melakukan perkara2 tersebut itu dan hadith2 telah mengharamkan mengkasi binatang melainkan binatang yang halal yang maseh kechil, bukan sudah tua.

Daripada Sahabat Ibnu 'Umar (radhiallahu 'anhuma) bahawa Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) telah melaknat perempuan yang menyambong rambut dan perempuan yang minta sambongkan rambut-nya; perempuan yang membuat chachah (kirong2) dan perempuan yang minta buatkan chachah. Hadith Sahih ini di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Daripada Sahabat Ibnu Mas'ud (radhaillahu 'anhu) pula: Allah Ta'ala telah melaknat perempuan yang membuat chachah dan perempuan yang minta buatkan chachah; dan perempuan yang mengandam bulu kening atau menchabut bulu muka, dan perempuan yang mengasah gigi kerana tujuan menchari molek yang mengubah rupa makhlok Allah Ta'ala. Hadith Sahih ini di-riwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dan Muslim.

## REZEKI DI-JAMIN

Firman Allah dalam Surah Hud, ayat 6:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ.

Tafsir-nya: *"Tiap2 benda yang hidup yang melata di-atas muka bumi ia-lah Allah Ta'ala menjamin dan berjanji akan memberi rezeki kapada-nya sa-bagai limpah kurnia Allah Ta'ala, bukan sa-bagai wajib ka-atas Allah Ta'ala. Dan, Allah ketahui akan tempat tiap2 benda yang hidup di-mana ia berada dan tinggal samada di-dalam dunia ini atau ada di-dalam sulbi lelaki. Dan Allah ketahui di-mana2 benda2 hidup akan di-letak dan di-simpan lepas benda2 itu mati atau binasa atau di-simpan di-dalam rahim ibu-nya. Semua-nya itu termaktub dalam Lauh Mahfuz. Hanya tinggal kapada manusia itu berserah kapada Allah Ta'ala menchari kehidupan dan sara hidup-nya kemudian ia berusaha menurut kadar usaha dan daya-nya yang telah di-beri Allah kapada-nya".* (Tafsir Al-Jalalain).

Firman Allah dalam Suratush Shura, ayat 12:

لَهُ مَقَالِيدُ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ، إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ.

Tafsir-nya: *"Kunchi khazanah langit dan bumi itu ada di-sisi Allah. Ia meluaskan rezeki kapada siapa yang ia suka dan kehendaki bagi menguji-nya ada-kah dia shukur dengan rezeki dan nekmat anugerah yang di-berikan kapada-nya itu. Dan ia sekat rezeki itu ka-atas siapa ia suka dan kehendaki bagi menchuba bala' ka-atas-nya ada-kah dia sabar dan bertawakkal dan mohon lepaskan dari kesusahan dan kesangsaraan itu. Sa-sunggoh-nya Allah Ta'ala itu sangat mengetahui tiap2 sa-suatu sebab ia bersifat adil dan bersifat bijaksana."* (Tafsir Al-Jalalain dan Ibnu Kathir).

Firman Allah dalam Suratush Shura lagi, ayat 27:

وَلَوْ بَسَطَ اللهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ لَبَغَوْا فِي الْأَرْضِ وَلَكِنْ يُنَزِّلُ بِقَدَرٍ مَا يَشَاءُ - الآيَة

Tafsir-nya: *"Jikalau Allah luas dan bukakan pintu rezeki kapada manusia neschaya mereka semua-nya bermaharaja lela dan berbuat sesuka hati di-atas muka bumi. Tetapi Allah turunkan rezeki dengan suatu kadar dan sukatan dan qouta yang ia kehendaki, yakni ia luaskan kapada sa-tengah2 orang dan ia tahan dan sempitkan ka-atas sa-tengah orang. Dan dari berleluasan rezeki itu datang maharaja-lela dan perbuatan sesuka hati di-dunia ini. Sesunggoh-nya Allah itu sangat mengetahui dan sangat melihat dan sangat tadbir pada perkara hamba-nya itu."* (Tafsir Al-Jalalain).

Ini-lah ajaran Allah dan ini-lah iktikad orang2 Islam.

*WALLAHU A'ALAM.*

## Pembetulan

KAMI memohon ma'af kerana terdapat kesilapan ketika menyalin sa-tengah2 hadith yang termuat dalam ruangan ini keluaran minggu lepas. Maka dengan ini hadith2 berkenaan di-betulkan dan hendak-lah di-bacha saperti berikut:—

1) يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ.

2) تَزَوَّجُوا النِّسَاءَ فَإِنَّهُنَّ يَأْتِينَكُمْ بِالْمَالِ.

3) اِمْرَأَةٌ وَلُودٌ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنِ امْرَأَةٍ حَسْنَاءَ لَا تَلِدُ إِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْأُمَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

4) ثَلَاثَةٌ حَقٌّ عَلَى اللهِ إِعَانَتُهُمْ، الْمُجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللهِ، وَالنَّاكِحُ يُرِيدُ أَنْ يَسْتَعِفَّ، وَالْمُكَاتَبُ يُرِيدُ الْأَدَاءَ.

5) حُبِّبَ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا: النِّسَاءُ وَالطِّيبُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ.

6) لَمْ يُرَ لِلْمُتَحَابَّيْنِ مِثْلُ التَّزْوِيجِ.

# Bertakwa sementara menanti kematian

MARI-LAH kita bertakwa ka-hadhrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua surohan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya. Sa-sunggoh-nya tiada ada kebahagiaan dan kegembiraan yang lebeh tinggi bagi sa-seorang Islam melainkan dapat bertakwa dan menjadi hamba Allah yang di-hormati dan di-redhai oleh Allah 'Aza Wajala.

Manusia akan menemui mati — kematian itu pula datang tanpa terlebeh dahulu berunding dengan manusia untok menentukan tarikh dan masa untok mati sebab itu manusia tidak tahu bila-kah masa-nya ia akan di-panggil oleh Allah, samada siang atau malam, esok atau lusa atau sedang dudok bergurau senda atau masa sedang makan atau menunton talivishen, semua-nya tidak berwaktu. Dan tidak menjadi alasan untok kematian itu di-tanggohkan. Tidak ada shak lagi bahawa sa-tiap yang berjiwa tetap akan pergi ka-tempat asal-nya sa-belum ia di-lahirkan ka-dunia ini ia-itu pulang kembali kapada Allah — pulang ka-pada hakikat bahawa apabila manusia itu kembali sa-mula mengadap Allah di-alam bazah ia akan berhadapan dengan ke-chintaan yang sudah lama di-ketahui-nya, sudah lama di-dengar-nya atau sudah lama di-pelajari-nya sa-masa ia maseh hidup bahawa Allah Ta'ala akan bertanya kapada-nya tentang kerja2 di-masa ia hidup untok di-pertimbangkan oleh Allah.

Sa-sunggoh-nya pertimbangan Allah itu hanya dua, ia-itu pertimbangan baik di-balas baik dan pertimbangan burok di-balas jahat, sebab itu-lah Allah telah menyediakan dua tempat untok menjadi tempat dudok manusia di-alam yang lebeh hakiki dan abadi itu, ia-itu shorga untok manusia yang berbuat baik dan neraka bagi manusia yang berbuat jahat.

Sa-panjang2 zaman daripada Nabi Adam hingga kapada masa ini rasul2, sahabat2, ulama, salehin, telah mengingatkan manusia supaya menjaga diri dengan sa-baik2-nya dalam dua tempat ini, supaya manusia se-lamat dan dapat me-nekmati rahmat dan nekmat Allah di-dalam shorga dan jangan ter-chebor dalam lembah neraka.

Dan masa untok men-jaga diri dan membuat per-sediaan bagi alam hakiki itu ia-lah sa-masa hidup. Kerana apabila manusia mati dan di-masokkan ka-dalam liang lahad tidak-lah ia lagi boleh berbuat apa2 sa-lain daripada membawa amalan2 yang sudah di-per-buat-nya di-dunia. Tiada ada pertolongan daripada orang2 hidup sa-lain dari-pada sedikit sa-banyak do'a orang2 yang maseh hidup saperti anak-nya, saudara mara-nya dan sa-umpama-nya.

*. . . Allah telah me-nyediakan dua tempat dudok manusia di-alam yang lebeh hakiki dan abadi itu, ia-itu shorga untok manusia yang berbuat baik dan nera-ka bagi manusia yang berbuat jahat.*

Orang2 yang tidak mem-punyai persediaan dan tidak membuat persediaan untok hidup di-alam yang lebeh besar itu, bererti saperti orang yang sedang bernang di-dalam lautan yang sedang di-landa ribut, sa-orang diri tanpa apa2 alat dan jalan pertolongan. Ketika itu-lah timbul penyesalan yang tidak ber-guna saperti yang di-sebutkan dalam firman Allah s.w.t yang bermak-sud: *"Dan mereka ber-tanya: kalau-lah kami da-hulu mahu mendengar atau memikirkan tentu-lah sekarang kami tidak men-jadi isi neraka. Maka me-reka telah mengaku segala dosa mereka. Maka tetap-lah jauh isi neraka itu daripada pengampunan Tu-han".* (Surah Al-Malik ayat 10).

Mari-lah kita menden-garkan kesah Nabi Alias a.s. Pada suatu hari sedang



Nabi Alias a.s. dudok, datang-lah Malaikalmaut menchabut nyawa Baginda. Maka sedih-lah Nabi Alias dan menangis dengan kuat-nya, lalu bertanya Malai-kalmaut kapada Baginda mengapa tuan hamba me-nangis ini ada-kah kerana sedihkan tuan hamba me-ninggalkan dunia atau ke-rana tuan hamba akan mati? Menjawab Nabi Alias: Bukan, tetapi saya sedih kerana saya terlepas daripada dapat berzikir ka-pada Allah sedangkan orang lain kemudian daripada saya ia ada masa untok berzikir kapada Allah sedangkan saya sendiri tidak dapat (kerana saya sudah di-matikan). Maka di-wahyukan oleh Allah kapada Malaikalmaut su-paya tidak jadi menchabut nyawa Nabi Alias kerana Nabi Alias memuhonkan di-panjangkan umor untok berzikir kapada Allah sa-mata2 dan bukan kerana keinginan-nya untok hidup lama. Lalu berfirman Allah: *"Biarkan-lah dia hidup untok berzikir meng-ingat Aku dan bersukaria dalam taman dan men-jatohkan sa-hingga ka-akhir dunia".*

Kesah ini menchatitkan kapada kita sedangkan sa-orang nabi lagi sentiasa bersedia sa-tiap masa un-tok menemui Allah dan memuhonkan dapat di-panjangkan umor supaya dapat menyediakan per-sediaan yang lebeh banyak dan lebeh baik pada hal ia-itu nabi yang mem-punyai segala keistemewa-an dan ketinggian di-sisi Allah.

Maka betapa-kah pula kita yang bukan nabi yang jauh panggang daripada api-nya yang belum tentu kedudokan dan taraf di-sisi Allah — tidak-kah lebeh patut kita berbuat yang sangat lebeh daripada yang di-suarakan oleh Nabi.

Maka mari-lah kita sedar dan insaf, bahawa sa-benar-nya kita sa-belum lahir ka-dunia ini telah berjanji kapada Allah untok berbuat ibadat. Dengan segala kebaktian yang di-suratkan oleh Allah di-malam ajal — dan kemudian di-terangkan pula oleh Nabi sa-bagai mengingat dan penyampai surohan Allah itu.

Mari-lah kita menunai-kan janji itu bayar-lah hutang yang di-piutangkan oleh Allah kapada kita itu sa-belum tidak ada masa untok kita berbuat demi-kian.

# Bingkisan minggu ini

# EHSAN

UNTOK menchapai taraf kemanusiaan yang sempurna, maka di-samping menjadi sa-orang muslim yang setia dan sa-orang mukmin yang benar2 perchaya, ada satu sharat kesempurnaan yang tidak kurang penting-nya di-kehendaki oleh Ugama Islam ia-itu bersifat ehsan.

Ehsan dalam pengertian-nya ia-lah berbuat kebajikan ia-itu chara mengerjakan sa-suatu, ta'at dengan sa-baik2-nya dan lengkap segala pertutoran-nya serta dengan ikhlas ka-pada Allah s.w.t. Ia juga merupakan ke-suchian daripada shi-rik dan sikap munafiq serta perasaan ria dan sa-bagai-nya. Sifat ini-lah sa-benar-nya yang mendurong sa-seorang itu berbuat jasa dan pengorbanan yang ka-dang2 mengorbankan hak diri sendiri demi kepentingan kerabat, masharakat, bangsa, tanah ayer serta uga-ma.

Yang demikian, ha-kikat ehsan itu ada-lah menjadi salah satu daripada rukun2 uga-ma sa-lain daripada rukun2 Iman dan rukun2 Islam. Oleh kerana itu ketiadaan ehsan dalam jiwa sa-tiap orang maka ke-dua-dua unsor yang lain itu tidak akan berfaedah oleh sebab yang di-kerjakan den-gan ketiadaan ehsan ada-lah ibarat patong yang tiada bernyawa.

Ada-pun ehsan atau kebajikan itu menurut ukuran ilmu jiwa ia-lah perasaan chinta manusia kapada sa-sa-ma manusia yang di-iringi dengan keikhlas-an dan sudi menolong. Ia ada-lah merupakan tali perhubongan an-tara satu sama lain yang bertindak sa-bagai alat untok mem-pertegohkan sa-sebuah masharakat. Tetapi jika sa-tiap manusia hanya sanggup mene-rima pengorbanan orang lain untok ke-pentingan-nya sendiri, sedang ia-nya tidak rela berkorban untok orang ramai maka akan roboh-lah ke-hidupan masharakat itu.

Dari sudut sejarah kemanusiaan, bahawa seluroh manusia itu ada-lah dari satu ke-turunan, oleh sebab itu semua manusia ada-lah bersaudara be-laka. Maka pada kon-sep persaudaraan itu telah di-tekankan ber-sunggoh-sunggoh di-dalam Ugama Islam lebeh2 lagi untok selu-roh umat Islam sa-bagaimana yang di-dasarkan kapada mak-sud-ayat Al-Kor'an *"Bahawa seluroh umat Islam itu bersaudara".*

Yang demikian pa-tut-lah kesetiaan, ikh-las membela, percha-ya-memperchayai dan mengambil berat ten-tang kemuslihatan ber-sama lahir dan bathin. Di-samping itu, pula pada mereka harus sama dalam satu tuju-an ia-itu menyingkir-kan sa-suatu yang me-rugikan.

Pada permulaan perkem-bangan tanah Arab, terda-pat satu chontoh yang baik untok di-jadikan pedoman ia-itu bagaimana erat-nya persaudaraan orang2 Muha-jirin dan orang2 Ansar di-Medinah. Orang2 Ansar di-Medinah telah sudi berkor-ban menyerahkan sa-paroh kekayaan-nya kapada saha-bat2-nya yang baru datang itu, sa-hingga orang2 Muha-jirin dapat hidup tenteram di-tempat yang baharu itu dengan tiada lupa akan pe-ngorbanan yang di-berikan kapada mereka.

Berchakap tentang keba-jikkan ini mungkin banyak orang yang mahu membuat-nya, tetapi akan jemu-lah sa-seorang itu berbuat ke-bajikan terhadap sa-seorang kalau-lah dia hanya suka menerima tetapi tidak suka memberi... Katakan sa-se-orang itu telah memberi per-tolongan yang besar kapada sa-orang kawan yang men-dapat susah. Maka pada hari yang lain pula, telah di-takdirkan orang yang menolong tadi mendapat benchana. Tetapi benchana yang menimpa ka-atas diri-nya itu hanya di-rasa-nya sa-orang diri tanpa men-dapat perhatian dari orang lain, termasok orang yang pernah di-tolong-nya tadi.

Orang ini mungkin akan berkata di-dalam hati-nya; "Apa-lah guna-nya aku berbakti kapada orang, sedangkan di-waktu aku susah orang lain akan me-mejamkan mata terhadap ku" ... Kalau-lah demikian jadi-nya, sia2-lah budi baik orang itu dan akan jemu-lah ia berbuat kebajikan.

Maka dalam soal ini, yang penting ia-lah keadil-an dan timbang terima antara sa-sama manusia. Oleh yang demikian mus-tahak-lah kita menjauhi perangai yang hanya me-mandang periok sendiri, sedangkan membiarkan orang lain mati tak makan. Dan kalau-lah sa-rupa ini perangai sa-seorang itu, maka tidak-lah ia bersifat ehsan dan sia2-lah ia menjadi sa-orang mukmin dan muslim atau manusia yang sempurna hidup-nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Disember, 1979 hingga ka-hari Selasa 1hb Januari, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 27hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 28hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 29hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 30hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 31hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 1hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.







SAMBUTAN Tahun Hijrah 1400 telah berakhir pada 20hb Disember yang lalu. Majlis penutopan rasmi sambutan sa-lama sa-bulan itu telah di-laksanakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam satu majlis yang di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Majlis pada hari itu telah di-mulakan dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah saperti kelihatan dalam gambar2 atas.

Sa-bagai menyerikan lagi majlis pada malam itu, persembahan bachaan Kor'an oleh Awang Haji Abdullah bin Lakim (kiri) telah di-adakan.

Majlis penutopan itu juga telah di-adakan di-masjid2 di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Majlis2 di-daerah2 itu telah di-hadhiri oleh Pegawai2 Daerah masing2.

Saperti majlis di-Daerah Brunei-Muara, majlis di-daerah2 itu juga telah di-penohkan dengan uchapan2 Pegawai Daerah serta cheramah2 khas dari pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Gambar kanan menunjokkan para hadhirin menunaikan sembahyang fardhu Maghrib sa-belum penutop di-adakan di-Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Gambar2 bawah dan bawah kanan kelihatan Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Kadzi Daerah Temburong, Pegawai Daerah, Awang Haji Ya'akub bin Haji Ahmad dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah ketika berchap di-majlis tersebut.











# AMDB ADAKAN SAMBUTAN TAHUN HIJRAH

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan satu sambutan Sempena Memperingati Tahun Hijrah 1400 yang telah di-langsongkan di-Dewan Gerak Badan, Perkhemahan Berakas di-sini pada malam Selasa yang baru lalu.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan bachaan ayat suchi Al-Kor'an oleh Tuan Imam Alikhan dan kemudian di-ikuti dengan uchapan alu2-an oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kolonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pementah Batallion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei.

Satu sharahan khas mengenai Hijrah juga telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd Aziz, Mufti Kerajaan Brunei, beliau juga telah menjadi imam sembahyang Fardhu Maghrib dan Fardhu Isha (gambar kiri).

Hadhir di-majlis pada malam itu termasok-lah Yang Berhormat, Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abd Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Speaker Majlis Mashuarat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, pegawai2 serta kira2 1,000 orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei.

Majlis yang sama juga telah di-adakan di-Kampong Setia di-Kampong Ayer pada hari Sabtu 15hb Disember yang lalu, di-mana sambutan telah di-kelolakan bersama oleh pendudok2 Kampong Setia A dan B.

Lebeh daripada 200 orang pendudok2 di-sekitar kampong berkenaan telah hadhir di-majlis itu. Antara achara2 yang di-jalankan termasok-lah bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, sharahan, dan zikir marhaban bagi mengalu2kan kedatangan awal kurun yang ke-15 hijrah.

Hadhir sama di-majlis itu ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Yahya bin Hj Harris, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali serta jemputan khas.

Sementara itu pada malam Rabu yang baru lalu sambutan sempena Tahun Hijrah 1400 juga telah di-adakan oleh pendudok Kampong Delima Satu, Delima Dua, Anggerek Desa dan Orang Kaya Besar Imas yang telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Anggerek Desa di-mana lebeh daripada tiga ratus orang telah hadhir antara-nya termasok-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

# Hari Peladang di-Kg. Melilas

KEBANYAKAN dari usaha2 bertanam padi di-kawasan2 pendalaman di-negeri ini di-jalankan oleh para pendudok sa-chara berpindah2 dari satu tempat ka-tempat2 yang lain. Amalan ini menimbulkan beberapa masaalah kapada penanam2 padi tersebut. Antara-nya ia-lah, mereka terpaksa menggunakan tenaga yang banyak dalam membuka kawasan2 hutan tiap2 kali mereka hendak bertanam padi. Mereka juga terpaksa menggunakan masa yang banyak untok berulang alek berbatu2 dari rumah2 mereka ka-kawasan2 padi mereka yang kian tahun bersasar ka-tempat2 yang jauh.

Masaalah2 ini telah pun menarek perhatian Jabatan Pertanian dan oleh kerana itu-lah maka Jabatan tersebut telah berusaha untok mengatasi-nya. Strateji yang di-gunakan ia-lah memperkenalkan penanaman padi sa-chara tidak berpindah2 di-satu tempat yang di-punyai oleh sa-orang penanam padi yang mahu dan bersedia untok menerima "innovation" atau pembaharuan. Langkah tersebut telah menarek perhatian para penanam padi yang lain, yang datang dari jauh dan dekat, kapada kebaikan2 yang di-bawa oleh pembaharuan itu, agar mereka akan terpengaroh oleh pembaharuan tersebut dan meninggalkan amalan2 tradisional yang mereka jalankan selama ini.

Kawasan operasi Jabatan Pertanian ketika ini, ia-lah Mukim Melilas. Sa-orang penanam padi, Awang Sandah anak Layong telah pun di-pileh oleh Jabatan Pertanian Belait. Beliau bersedia untok menerima pembaharuan ka-atas amalan tradisi-nya. Dengan tunjok ajar dan panduan Jabatan Pertanian di-sertai dengan bantuan perkhidmatan2 dan bahan2 ladang, Awang Sandah telah menanam satu ekar padi jenis Siam di-sebuah kawasan yang terletak kira2 1½ batu dari Rumah Panjang Kampong Melilas.

Hasil usaha Awang Sandah telah di-perlihatkan kapada para penanam padi dari Kampong2 Tempinak, Benggerang Dua, Melilas dan Sukang, apabila mereka di-jemput hadhir ka-majlis Hari Terbuka di-kawasan padi Awang Sandah pada hari Ahad, 16hb Disember 1979.

Sa-jurus sa-belum melakukan pembukaan rasmi Hari Terbuka itu, Orang Kaya Setia Laila Kana anak Mudin, Penghulu Mukim Melilas, melalui wakil-nya Awang Pongok anak Sap telah melahirkan harapan-nya agar chontoh yang di-tunjokan oleh Awg Sandah akan mendurong para penanam padi di-Mukim2 Sukang dan Melilas untok melipat gandakan lagi usaha mereka dalam bertanam padi mengikut chara yang mereka saksikan pada hari itu.

Turut beruchap di-majlis Hari Terbuka itu ia-lah Awang Yap Soo Kiat, Penolong Pegawai Pertanian Daerah Belait siapa antara lain, telah menerangkan tujuan2 di-adakan Hari Peladang itu.



GAMBAR atas menunjokkan Awang Norsaid bin Md Zain, Pegawai Pengembangan Pertanian Mukim2 Bukit Sawat, Sukang dan Melilas (paling hampir kamera) memberi penerangan di-kawasan padi Awang Sandah anak Layong kapada para hadhirin sa-masa Hari Terbuka itu.

# Angka tunjok harga barang2 pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yunit Peranchang Ekonomi kini telah menyiapkan Angka Tunjok Harga Barang2 Pengguna (ATHBP) yang baru berasaskan hasil2 Pengkajian Perbelanjaan Keluarga yang di-jalankan bagi seluroh negara sepanjang tahun 1977. ATHBP yang baru ini menggantikan angka tunjok yang ada pada masa ini yang di-kenali sa-bagai Angka Tunjok Perbelanjaan Sara Hidup (PSH) yang telah pun di-pergunakan semenjak tahun 1963.

Sejak tahun 1963 terdapat perubahan2 yang nyata dalam bentok atau bidang penggunaan bagi keluarga sederhana dan dengan bertambah-nya kemewahan serta lebeh maju-nya lagi teknoloji, pendudok2 adalah pada masa ini membeli barang2 yang lebeh bermutu dan lebeh banyak barang2 lain dari makanan. Sa-bagai mithalan, purata perbelanjaan keluarga ka-atas makanan telah jatoh dari 80% dari jumlah perbelanjaan saperti yang ternyata dalam angka tunjok perbelanjaan sara hidup yang lama menjadi kira2 45% di-dalam ATHBP yang baru.

ATHBP yang baru ini merupakan sa-buah "bakul" (sa-jumlah tertentu) yang mengandongi barang2 dan perkhidmatan2 yang lebeh banyak dari angka tunjok PSH yang lama dan oleh kerana tahun 1977 telah di-jadikan sa-bagai tahun asas, maka ATHBP yang baru akan menggambarkan perubahan2 harga bagi sa-suatu bulan tertentu berbanding dengan harga2 purata2 bagi tahun 1977.

Jadual di-bawah memberikan angka2 tunjok mengikut kumpolan2 bagi tahun 1978 serta juga bagi bulan Oktober, 1979. Chontoh-nya ATHBP yang baru bagi semua barang2 telah naik kapada 106.4 bagi tahun 1978 menunjokkan kenaikan sa-banyak 6.4 peratus dari tahun 1977 dan telah naik lagi kapada 114.2 bagi bulan Oktober, 1979 menunjokkan kenaikan sa-banyak 14.2 peratus dari tahun 1977 dan sa-banyak 7.3 peratus dari tahun 1978.

ATHBP bagi bulan Nobember 1979 dan sa-lepas akan di-keluarkan pada tiap2 bulan kelak.

## Senarai Angka Tunjok Harga Pengguna bagi Brunei

| Kumpolan | "Berat" | Tahun Asas 1977 | Angka Tunjok Purata bagi 1978 | Angka Tunjok bagi Oktober 1979 | Peratus Kenaikan Angka Tunjok Harga dlm bulan Oktober 1979 dari 1978 |
|---|---|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) |
| SEMUA BARANG2 KEPERLUAN | 1,000 | 100.00 | 106.4 | 114.2 | 7.3 |
| Makanan (termasok yang sudah sedia masak) | 4,507 | 100.00 | 105.8 | 115.4 | 9.1 |
| Pakaian dan Sepatu, Kasut Selipar dll. | 614 | 100.00 | 108.1 | 114.6 | 6.0 |
| Sewa Kasar, Bahan Api dan Tenaga | 499 | 100.00 | 105.6 | 106.9 | 1.2 |
| Alat Perabot, Alat2 Perhiasan dan Kelengkapan rumah tangga serta pemasangan | 831 | 100.00 | 105.5 | 113.6 | 7.7 |
| Pengangkutan dan Perhubongan | 1,718 | 100.00 | 109.0 | 114.8 | 5.3 |
| Permainan, Hiboran, Pelajaran dan Perkhidmatan2 Kebudayaan | 893 | 100.00 | 104.5 | 110.0 | 5.3 |
| Barang2 dan Perkhidmatan2 Rampaian | 983 | 100.00 | 106.9 | 116.0 | 8.5 |



AWANG Asma Khan bin Abdul Khan sedang memerhati kerja2 yang di-hasilkan oleh pelajar2 Kelas Menaip yang telah di-pamerkan pada hari itu.

# Penyampaian sijil Kelas Dewasa

KIUDANG. — Satu majlis penyampaian sijil2 kapada 100 orang pelajar Kelas Dewasa yang lulus dalam pepereksaan Trengkas dan menaip, Bahasa Inggeris dan memberantas buta huruf telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Kiudang di-sini pada hari Ahad 16hb Disember yang lalu.

Penyampaian sijil2 tersebut telah di-lakukan oleh Awang Asma Khan bin Abd Khan, Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa bagi pehak Penguasa Pelajaran Dewasa.

Bersempena dengan majlis itu satu peraduan terengkas dan menaip juga telah di-adakan yang mana ia-nya telah di-kelolakan oleh Guru2 Trengkas dan Menaip yang berpusat di-Sekolah Melayu Kiudang.

Dalam peraduan bahagian Trengkas johan telah di-sandang oleh Dayang Siti Rahmah bte Hj Mohd Noor tempat kedua di-menangi oleh Dayang Sara bte Haji Mohd Noor dan ketiga jatoh kapada Dayang Munah bte Md Tahir dan Dayang Kalsum bte Othman.

Sementara dalam peraduan bahagian menaip yang mana ia-nya di-bahagikan kapada tiga bahagian. Bahagian perengkat permulaan telah di-menangi oleh Dayang Chua Lai Naa, bahagian menengah jatoh kapada Dayang Ajijah bte Salleh manakala bahagian tertinggi telah di-menangi oleh Dayang Kamsiah bte Gemok.

Penyampaian hadiah2 kapada penuntut2 terbaik dalam semua kertas kerja bahagian trengkas dan menaip dalam tahun 1977 juga telah di-adakan. Sa-ramai tujoh orang penuntut telah di-pileh sa-bagai penuntut terbaik.

Dayang Rosni bte Md Salleh dan Dayang Shahmiah bte Nordin telah di-pileh terbaik dalam bahagian trengkas perengkat permulaan, sementara bahagian menaip perengkat permulaan tiga orang penuntut telah di-pileh mereka ia-lah Dayang Rusmah bte Haji Md Said, Dayang Munah bte Md Tahir dan Dayang Nauyah bte Suman.

Manakala itu tiga orang penuntut juga telah di-pileh sabagai penuntut yang terbaik dalam semua kertas kerja bahagian menaip tahun 1979, mereka ia-lah Dayangku Saharah bte Pengiran Tengah dalam bahagian perengkat permulaan, Dayang Selamah bte Kimchoi dalam bahagian perengkat menengah dan Awang Abd Rahman bin Damit dalam bahagian perengkat Tertinggi.

Hadiah bahagian trengkas telah di-sumbangkan oleh Chegu Hussin bin Haji Hassan manakala hadiah bahagian menaip telah di-sumbangkan oleh Chegu Tengah bin Ahmad.

Penyampaian hadiah2 kapada penuntut2 terbaik telah di-lakukan oleh Penghulu Mukam Kiudang, Orang Kaya Dewa Haji Mohd Salleh bin Abdullah dan Penghulu Mukim Layong Awang Abang bin Saat.

Sa-lepas upachara penyampaian sijil2 dan hadiah2, Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa serta jemputan khas pun di-bawa melawat ka-beberapa bahagian pameran yang di-adakan pada hari itu, antara-nya termasok-lah perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh Kelas Dewasa Sekolah Melayu Kiudang dan tunjokchara menaip dan trengkas serta kertas kerja yang telah di-usahakan oleh penuntut di-sekolah berkenaan.



SALAH sa-orang penuntut kelihatan sa-telah menerima sijil yang di-sampaikan oleh Awang Asma Khan.

# Lebeh 123 ribu keping setem khas di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-banyak 123,316 keping setem dan 16,467 sampul surat hari pertama bagi memperingati tahun Hijrah 1400 telah di-jual di-pejabat2 pos di-seluroh negeri pada 21hb Nobember yang lalu.

Dari jumlah yang di-jual itu, sabanyak 44,248 keping setem yang berharga 10 sen; 38,990 keping setem 20 sen dan 40,078 keping setem 75 sen.

Pejabat2 Pos juga menjual sa-banyak 15,820 keping Kepingan Kenangan pada hari itu.

Setem2 khas itu maseh di-jual di-semua pejabat pos di-seluroh negeri.

Setem2 yang masing2 berwarna hijau bagi 10 sen; biru muda bagi 20 sen dan unggu bagi 75 sen itu di-reka oleh Awang Salleh bin Haji Ibrahim dan di-chetak oleh Secura, Singapura Sdn Berhad. Sampul surat hari pertama juga di-chipta oleh Awang Salleh bin Haji Ibrahim dan di-chetak oleh Perchetakan Kerajaan, Brunei.

Reka bentok Kepingan Kenangan pula di-chipta Awang Noorariffin bin Mohd Yassin dan di-chetak oleh Secura, Singapura Sdn Berhad.

# Mashuarat Agong Persatuan Qari dan Qariah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah akan berangkat merasmi Mashuarat Agong Persatuan Qari dan Qariah Islam Brunei yang pertama pada hari Ahad 30hb Disember ini.

Majlis yang akan di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan itu akan bermula pada jam 8.00 pagi.

Antara yang akan turut beruchap di-majlis itu nanti ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit selaku Pengerusi Majlis.

Mashuarat Agong Persatuan itu akan di-adakan satelah selesai majlis pembukaan rasmi tersebut. Antara agenda yang akan dibinchangkan ia-lah perlantekan ahli jawatankuasa tadbir.

# Perkhidmatan Beg Berkunchi Persendirian akan di-kenakan bayaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengenakan bayaran bagi Perkhidmatan Beg Berkunchi Persendirian di-pejabat2 pos di-negeri ini mulai tahun depan.

Menurut pengumoman jabatan tersebut, perkhidmatan yang pada masa ini di-beri dengan perchuma kapada pengguna2-nya, mulai 2hb Januari, 1980 akan di-kenakan bayaran sa-banyak $30.00 bagi tiap2 sa-buah beg berkunchi. Bayaran tersebut ada-lah bagi tempoh sa-lama 12 bulan.

Orang ramai yang berkehendakan keterangan lanjut mengenai dengan perkhidmatan tersebut boleh-lah berhubong samada dengan Penguasa Pos (Mel) atau Pengawal Pos.

Sementara itu, Jabatan tersebut juga telah mengumomkan bahawa penjualan Wang Pos Malaysia akan di-adakan di-seluroh Pejabat Pos di-negeri ini mulai 2hb Januari, 1980.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 20hb Disember, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. UDANG KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT :**

1. UDANG KERING — $6.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Foh Soon,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $31.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Koh Kit Hin,
   No. 28, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. UDANG KERING — $6.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $32.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.

# Pendaftaran kelas menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi memasoki Kelas2 Trengkas dan Menaip di-beberapa buah sekolah kini sedang di-buka.

Di-Sekolah Melayu Sengkurong, pendaftaran boleh di-buat dari sekarang sahingga 31hb Januari, 1980. Penuntut2 yang berhajat untok memasoki kelas tersebut boleh-lah berhubong dengan Che'gu Pengiran Mohiddin bin Pengiran Manggong di-sekolah tersebut dan Awang Abdul Hamid Abas, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pendaftaran bagi memasoki kelas tersebut di-Sekolah Melayu Katimahar. Pendaftaran juga akan ditutop pada 31hb Januari, 1980. Pendudok2 di-sekitar kampong tersebut yang berhajat untok memasoki kelas tersebut boleh-lah datang ka-sekolah tersebut pada 4hb Januari dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb hingga 31hb Dis 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | *26.12.1979 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | *26.12.1979 | Rabu | 10.42–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | *26.12.1979 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 29.12.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 29.12.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 29.12.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 30.12.1979 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 30.12.1979 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 30.12.1979 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 31.12.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |

* 26hb Disember, 1979 — Chuti Hari Kerismas.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 26HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Cavage Curtain"
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE GOOD LIFE CHRISTMAS SPECIAL
7.36 WHO PAYS THE FERRYMAN — "A Dead Man to Carry My Cross" Sa-orang bangsa Australia pulang — untok di-kebumikan — dan satu lagi perbuatan membalas dendam terjadi.
7.39 AZAN ISHA
7.43 WHO PAYS THE FERRYMAN — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 A COUNTRY CHRISTMAS
9.55 SHOW OF THE WEEK BANK HOLIDAY SPECIAL: Val Doonican
10.40 FEATURE: "The Face of Fear"
11.25 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 27HB DIS.

PAGI

8.50 PEMBUKAAN
8.53 SUSUNAN RANCHANGAN
8.54 PERSEMBAHAN PENCHARAGAM PULIS DIRAJA
9.20 PERASMIAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI DI-DEWAN MAJLIS (Siaran langsong)

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 DR. WHO — "The Seeds of Doom" Bahagian 3
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.36 LUCAN
7.39 AZAN ISHA
7.43 LUCAN — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
9.05 DOC. "The Year of the Prophet"
9.50 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.50 SIARAN TAMAT.



SELUROH perkampongan bersatu terhadap sa-orang yang tidak di-kenali dan satu kejadian membalas dendam yang barok memisahkan Annika dari Alan Haldane dalam kesah "A Dead Man To Carry My Cross", episod ke-empat dalam WHO PAYS THE FERRYMAN? siri thriller romantik yang di-lakunkan di-Crete, di-tayangkan pada jam 7.40 malam ini. Gareth Thomas (kiri) sa-bagai Tony Viglis, sa-orang bangsa Australia, bersama2 Jack Hedley sa-bagai Alan Haldane.

## JUMAAT — 28HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Snow White and the Seven Dwarfs". Dalam usaha-nya untok melarikan diri dari ibu tiri-nya yang kejam, The Queen; Snow White melarikan diri-nya ka-hutan di-mana ia bertemu dengan tujoh orang kenit yang sunggoh menyenangkan dan mencheritakan tentang perihal diri-nya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 UNDER THE SAME SUN
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 UNDER THE SAME SUN — sambongan
6.30 MUPPETS
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 ANIMAL WORLD — "The Last Safari"
7.36 THE DONNIE AND MARIE SHOW
7.39 AZAN ISHA
7.43 THE DONNIE AND MARIE SHOW — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUBATAN
9.15 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
10.05 HAWAII FIVE 'O' — "The Water Front Stealing" Joao Mendoza, tuan punya gudang2 di-Honolulu yang berpengaroh, mengecham keras pehak pulis kerana kegagalan mereka untok menghentikan kejadian2 rompakan di-gudang2. Yunit Five 'O' Steve McGarrett dengan diam2 berusaha untok menchari kumpolan perompak ini.
10.55 SCORPION TALES
11.45 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 29HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "The Ostrich Egg" Paru Paru mendapat tahu bahawa telor2 burong kasuari yang di-champor arang ada-lah baik untok mengubat sengatan lebah, ia berchadang untok membawa Kum Kum keluar menchari telor2 burong ini bagi menolong kanak2 yang telah di-sengat.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Secret World of Reptiles" Bahagian 3
7.36 TARGET — "Roadrunner" Hackett mempunyai satu pekerjaan baru — pemandu lori untok satu shari-kat pengangkutan yang telah kechurian beratus2 ribu paun.
7.39 AZAN ISHA
7.43 TARGET — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
9.05 KAZ — "Kaz and the Kid"
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU: "Red Badge of Courage"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 30HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET "The Praying Mantis"
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — "The Loneliness of the Long Distance Unemployed"
7.36 THE INCREDIBLE HULK — "Kindred Spirits" Sa-lepas satu expedisi saintifik yang membongkar perihal barang2 tiruan yang berkaitan dengan raksaksa prasejarah saperti Hulk, Banner chuba mengambil peluang ini untok siasatan selanjut-nya yang mungkin dapat membongkar tanda2 Hulk pada diri-nya.
7.39 AZAN ISHA
7.43 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MUTIKA
9.30 BRAVE NEW WORLD — Bahagian 2
11.00 THE NEXT STEP BEYOND — "Sin of Omission"
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 31HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS—"The Strangers"
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE FACTS OF LIFE — "The Heart of the Matter"
7.36 PETROCELLI — "The Outsiders" Petrocelli membela sa-orang lelaki muda yang menghadapi tudohan membunoh, yang bermula dengan kerosakan2 kereta keluarga-nya tatkala melintasi San Remo dan berkesudahan dengan diri-nya di-penjarakan, oleh bokti2 yang berpengaroh yang mengechap-nya sa-bagai pembunoh.
7.39 AZAN ISHA
7.43 PETROCELLI — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
9.05 YEAR OF THE CHILD GRAND CHARITY SHOW
10.25 GARRISON'S GORILLAS — Siri Baru Siri yang penoh pergerakan mengesahkan tentang keberanian satu kumpolan gorilla yang gagah perkasa. Mereka di-tugaskan untok pergi ka-daerah yang di-kuasai oleh musoh2 ia-itu tugas yang membahayakan. Craig Garrison ada-lah ketua mereka yang di-kehendaki untok mengawal kumpolan yang tidak berdisiplin ini untok menjadi satu angkatan penggempor yang bersatu. Episod malam ini: "The Death Sentence."
11.30 MENJELANG 1980
12.45 SIARAN TAMAT.



**RON Harper, Cesare Danova (bawah, kiri ka-kanan). Brendon Boone, Chris Carey, Rudy Salari (atas, kiri ka-kanan) yang membintangi siri Garrison's Gorillas yang akan di-tayangkan pada hari Isnin jam 10.25 malam.**

## SELASA — 1HB JAN.

PETANG

3.00 PEMBUKAAN
3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
3.16 SUSUNAN RANCHANGAN
3.18 HANNA BARBERA SPECIAL — "Harlem Globe Trotters Meet Snow White" The Harlem Globe Trotters menentang kumpolan pemain2 basketball yang bekerja bagi sa-orang ahli sihir perempuan yang kejam. Ia sebenar-nya sa-orang permaisuri yang sombong, yang telah membuat sumpahan terhadap Snow White. Keseronokkan bermula apabila pemain2 mendapati Snow White di-negeri permaisuri. Permaisuri memikat gadis chomel ini dengan sa-biji apel berachun. The Trotters memperdayakan permaisuri dan teman2-nya di-gelanggang permainan dan di-mana sahaja mereka bertemu. Kesah ini tentu-nya mengubah cherita2 dalam dongeng purba ini.
4.08 STAR WARS HOLIDAY SPECIAL
5.45 MIGHTY HERCULES
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 BATTLE OF THE PLANET — "Orion Wonder Dog In Space"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI
7.36 THE HARDY BOYS — "Defection of Paradise" Bahagian 2 David Gates dan teman2-nya dari kumpolan rok yang terkemuka, Bread turut bersama Hardy bersaudara ini dalam satu ranchangan yang di-maksudkan untok menolong sa-orang peminat muda yang berbangsa Russia yang jatoh chinta pada sa-orang ajen Amerika dan belot pada tanah ayer-nya.
7.40 AZAN ISHA
7.44 THE HARDY BOYS — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 DETIK PERISTEWA 1979
10.30 DUBAI SPECIAL — BACK IN DUBAI
11.20 KOJAK
12.10 SIARAN TAMAT.

# Suara Perajurit



RANCHANGAN Suara Perajurit sudah sekian lama ka-udara menemui para pendengar, dengan memuatkan aktiviti2 di-sekitar perkhidmatan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kelihatan dalam gambar ini, penerbit ranchangan Helen Thu sedang mengadakan perundingan dengan Pegawai2 yang akan menyelenggarakan ranchangan tersebut untok persediaan menjelang tahun 1980.

**intisari RTB minggu ini**

# Siaran langsong Pesta 80

BUAT pertama kali-nya Bahagian Melayu Radio Brunei, akan menyiarkan sa-chara langsong PESTA 80 bersempena dengan tahun masehi 1980.

Siaran langsong ini akan di-adakan di-Studio B RTB pada Hari Selasa, 1hb Januari 1980 mulai pukol 1.00 tengah hari.

Untok menyerikan PESTA 80, Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengundang Juara2 MUTIKA dan Bintang Kechil, saperti M. Noordin, Muhammad Metussin, penyanyi kechil yang di-minati ramai, Dk Monira Pg Mohiddin, Erwan Md Said, dan juga penyanyi bakat baru dan lama, saperti Kustina Maaruf dan Saadiah Mahadi serta penyanyi 50an P. Samin. Penyanyi2 tersebut akan mendendangkan lagu2 kegemaran ramai dewasa ini.

Di-samping nyanyian, penunton2 di-studio akan bermesra dengan juru2hebah radio dalam ranchangan penyertaan penunton dan di-ajak bergelak ketawa dengan pelawak2 yang di-undang menjelang tahun baru itu. Dan pendengar2 yang berada di-rumah, akan berpeluang beramah mesra sa-chara langsong melalui talipon dengan penyanyi2 yang mereka minati sambil berpeluang menyampaikan selamat tahun baru kapada kaum keluarga dan sahabat handai di-mana saja berada. Dan juga akan di-adakan chabutan nama bertuah untok mendapatkan hadiah2 istemewa daripada RTB.

**ON the next edition of Two Away For No programme, Pg Asmalee Pg Ahmad will chair the game between Lt Col David Wright and wife, Ross, and Lai Huat and wife, Jenny (below). You can hear the broadcast of this programme through the English Service of Radio Brunei, this Sunday, 30th December, 1979, at 1.00 pm., and its repeat on Tuesday 1st January, 1980 at 9.30 pm.**



AWANG Diris Haji Belaman a graduate of Environmental Sciences will be featured in this week's edition of Brunei Graduates. The programme goes on air tomorrow at 12.45 pm. as usual and repeated on Sunday 30th December at 8.00 pm.



# Siswazah Brunei minggu ini

SISWAZAH BRUNEI minggu ini ia-lah Awang Bakri bin Haji Momin, Pegawai Pertanian, Bahagian Pengembangan Daerah Brunei Muara. Beliau beroleh ijazah Serjana Muda Kultra Kebunan dari Massey University, New Zealand pada tahun 1977.

Awda akan dapat mengikuti temuramah kami dengan Awang Bakri pada 28hb Disember jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada hari Sabtu jam 1.00 tengahari.

Gambar atas kelihatan Awang Bakri (kanan) sedang di-temuramah oleh Abd Halim Hashim.





THE ... MAS WI... and on B... Pic... Brunei fo...



"The R...

SA-BUAH kesah di-... dapatkan kejayaan ol... (Richard Thomas) m... ia menghadapi perjua... Sivil Amerika. Ia mela... amat terharu dengan ...



...sh Service of Radio Brunei invites you to listen to CHRIST-
...H THE SERUNAI SINGERS on Christmas Eve at midnight
...ing Day at 9.30 pm. for Christmas Carols.
...re shows The Serunai Singers in one of the studios of Radio
... Recording.

# Frances Yip is in Town



**IF you are her great listener, don't forget to tune in on 1st January, 1980 from 11.00 am-12.00 noon and enjoy with her 60 minutes of songs and interviews over the English Section of Radio Brunei.**



# ...Badge of Courage"—Tayangan gambar minggu ini

...hita2 untok men-
...rang lelaki muda
... musnah apabila
...dalam Peperangan
... diri, tetapi merasa
...g2 dan kejadian2 di-sekeliling-nya. Pengalaman ini menyebabkan ia merasa ia dapat menghadapi segala apa rintangan dalam hidup ini. Turut membintangi ia-lah Michael Brandon dan Wendell Burton.

Gambar atas beberapa adigan dalam filem tersebut.

# HANNA BARBERA SPECIAL— "Harlem Globe Trotters Meet Snow White"

PADA 1hb Januari, 1980 akan menghidangkan ranchangan istemewa untok hari kelepasan. Ranchangan Hanna Barbera Special yang memakan masa kira2 sa-jam itu akan di-tayangkan jam 3.18 petang.

Gambar ini menunjokkan kumpolan The Harlem Globe Trotters berserta dengan Snow White yang akan dapat di-ikuti dalam ranchangan itu.



# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan fardhu magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30— Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam; 6.00—Mari berzikir—Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI**: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG**: 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Irama lagu asli—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30— Ruangan Bertutoran. **PETANG**: 2.00 — Kuliah pendidekan sastera; 2.30 — Lagu hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 —Bahas/kuiz ka-sekolah2; 3.45 — Permintaan kaum wanita; 4.30 — Majallah Commonwealth; 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Buloh perindu—Azan maghrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI**: 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45— Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)— Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00—Suara parajurit—Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15— Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI**: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja—Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



DAYANG Sharbanun binte Tiga, Unit Penyelidekan Bahagian Agronomi, Jabatan Pertanian (gambar atas) mendapat giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam yang akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 28hb Disember itu, Dayang Sharbanun akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya untok peminat2 ranchangan ini.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Christmas Concert (repeat). NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 —News; 12.45 — Hello! Merry Christmas! (Request by Telephone); 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement— What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15—Midweek Greetings Christmas Edition by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Christmas with the Serunai Singers; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Radioscope Christmas Edition; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "Rasseles" by Samuel Johnson; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classics — Programme 8; Symphonies (Romantic) Part 4 by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — Inter School Debates produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From The Netherlands; NOON: 12.00 — The Naga King's Daughter — Part 2: The Lost Kingdom of Langkasuka. PM: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — The Practical World; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Inter-School Debates (repeat); 8.30 — Calling On You presented by Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 12: Kaleidoscope of the Sixties; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Many A Slip. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — Five Round about to heaven by John Bingham episode 7/10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON: 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM: 12.30— News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00—"Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00—Dr In the House. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — H.M.S. Pinafore by Gilbert and Sullivan presented by Krishan Jalie; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement—World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail New Year Special by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — New Year with Laser Beam by Tajul Ahmad; 10.00 — Dance Party by Sheikh Abbas; 10.45 — The Bee Gees Story; 11.45 — Ringing In The New Year by Charan Chand; 12.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — An Hour with Frances Yip by Jaafar Yaakub. NOON: 12.00 — Great Instrumental Hits. PM: 12.15 — Shape Of The Future by Viviyanti Ali; 12.30 — News; 12.45 — Hello! Happy New Year! (Request by Telephone) — Tajul Ahmad and Viviyanti Ali; 2.00 — A Short Story — "Flesh" by Elizabeth Taylor; 2.15 — Announcers' Special by Sheikh Abbas (repeat); 3.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Frankie Miller"; 8.30 — Radioscope New Year Edition by Viviyanti Ali; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

# Pameran pertahanan sempena Hijrah AMDB

PASOKAN AMDB mulai 11hb, 13hb, 15hb, 17hb dan 19hb Disember yang baru lalu telah berjaya menarek perhatian orang ramai ter-utama para belia dalam pameran pertahanan yang telah di-adakan di-beberapa tempat di-seluroh negeri. Pameran itu antara lain memperlihatkan kelengkap-an dan berbagai kegiatan tentera saperti payong ter-jun, permainan penchara-gam, pertunjokan kereta perisai Scorpion dan gerak-an turun dari pesawat heli-kopter.



MESIN teleprinter yang di-saksikan ini memberikan sedikit sa-banyak pengetahuan kapada para pengunjong sa-telah beberapa penerangan di-berikan oleh anggota tentera yang bekenaan.



GAMBAR ini memperlihatkan kelengkapan selam yang terdapat bagi anggota2 penyelam Angkatan Laut Pertama.



SA-CHARA dekat memerhatikan peralatan senjata yang di-lengkapkan kapada pasokan ber-senjata kita bagi penuntut2 perempuan ini tidak kurang serba sedikit menambahkan penge-tahuan mereka.







MEMEGANG dan menchuba-chuba merasa dengan tangan sendiri segala peralatan senjata yang di-pamerkan sunggoh me-nyenangkan hati pengunjong wanita ini (gambar bawah).

TERJUN payong dari pesawat helikopter sa-tinggi 7 hingga 8 ribu kaki dari paras bumi (gambar atas) sangat mendebarkan hati para penunton ini (gambar bawah), bagaimana pun ke-chekapan yang ada pada anggota ini telah mengembirakan hati penunton sa-telah ia-nya berjaya turun di-tempat yang di-tetapkan.

DAN turun dengan mengguna-kan tali dari pesawat helikop-ter sa-tinggi 30 kaki anggota2 tentera ini memperlihatkan ke-chekapan mereka dalam mem-bayangkan sa-olah2 mereka me-lakukan penurunan dalam hutan belantara (gambar kanan).



# HARI PELAJAR





HARI PELAJAR yang di-adakan seluroh negeri sa-panjang bulan Disember ini tetap memperlihatkan kemeriahan dan kechekapan antara dua pehak ibu-bapa dan penuntut2 serta pehak guru, dan kerana kechekapan penuntut itu-lah juga, pelajar perempuan ini (gambar atas sebelah) memperolehi kejayaan-nya dengan menerima ganjaran berupa hadiah di-upachara hari pelajar Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong. Gambar atas YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof tidak ketinggalan untok sama2 memeriahkan upachara hari pelajar Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, kelihatan Yang Amat Mulia itu memerhatikan hasil kerja-tangan yang di-pamerkan. Gambar bawah berbagai telatah yang di-lahirkan oleh para tetamu ini jelas kelihatan dari wajah masing2 ketika dudok menyaksikan pertunjokan oleh penuntut2 yang barangkali persembahan tarian di-gambar sebelah bawah kiri ini memperlihatkan keluchuan itu.





GAMBAR bawah kiri persembahan permainan pencharagam oleh penuntut2 perempuan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri turut memeriahkan upachara Hari Pelajar sekolah berkenaan pada 17hb Disember yang lalu dan gambar bawah sa-bahagian dari tunjok-chara yang di-perlihatkan oleh penuntut2 kelas pertukangan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-upachara hari pelajar mereka.





# KHATAMAL KOR'AN PELAJAR2 UGAMA DEWASA



BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Majlis Khatamal Kor'an bagi kaki-tangan di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah di-langsongkan di-Dewan Jururawat di-sini baru2 ini. Ia-nya di-anjorkan oleh Pertubohan Kebajikan Pekerja2 Islam jabatan tersebut dan di-pengerusikan oleh Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar.

Sa-ramai 21 orang peserta telah mengambil bahagian, terdiri dari Pelajar2 Dewasa Ugama Jururawat, Kelas Zikir dan Kor'an.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, menjadi tetamu kehormat di-majlis tersebut.

Penyampaian sagu2 hati kapada kanak2 damit yang telah lahir pada 1hb Muharram, 1400 bersamaan 21hb Nobember, 1979 telah di-sampaikan oleh Datin Dr Mariam pada malam itu (gambar kanan).

Majlis yang di-mulakan pada pukol 7.30 malam itu juga telah di-serikan dengan hidangan lagu2 nashid yang telah di-bawakan oleh pelajar2 kelas ugama itu.

Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd Yussof bin Pengiran Mohd. Limbang, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Pehin Dato P. I. Franks, Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mohd Limbang (gambar kanan bawah).

Majlis itu ia-lah sempena sambutan tahun hijrah 1400.



GAMBAR atas menunjokkan sa-bahagian dari peserta perempuan pelajar Ugama dan Kor'an di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang telah mengambil bahagian dalam Majlis Khatamal Kor'an pada malam itu. Sementara gambar kiri menunjokkan Dayang Hamidah bte Haji Md Sum, ibu kapada kanak2 damit yang telah lahir sempena 1hb Muharram, 1400 telah menerima sagu hati dari Datin Dr. Mariam.



## Majlis2 sambutan Hijrah 1400 berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN.— Majlis2 sambutan sempena tahun baharu hijrah 1400 telah berakhir pada 30hb Muharram, 1400 bersamaan dengan 20hb Disember, 1979 yang lalu.

Dalam sambutan majlis2 penutop dengan achara2 di-adakan serentak di-seluroh negeri, ia-itu umat Islam di-negeri ini telah berhimpun di-masjid2 atau surau2.

Beberapa achara dalam sambutan tahun hijrah 1400 yang berchorak keugamaan telah di-adakan sa-lama sa-bulan, ia-itu bermula dari masjid dan surau2, hari pelancharan sejarah perkembangan dan kedatangan Islam di-Brunei dan lain2.



GAMBAR atas satu tarian yang telah di-bawakan oleh kanak2 TABIKA bagi menambah seri lagi Majlis Pesta Pendidekan dan Penyampaian Sijil, yang telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak, baru2 ini sementara gambar bawah ia-lah sa-bahagian dari ibu-bapa, penjaga kanak2 TABIKA dan jemputan turut menyaksikan majlis itu.



# PESTA PENDIDEKAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL2 TABIKA

PESTA Pendidekan Taman Bimbingan Nusa Laila Puteri kali ke-empat yang telah di-langsongkan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan, minggu lalu itu adalah bertujuan untok memberi peluang kapada para ibu-bapa pada menghayati pelbagai kegiatan anak2 bangsa yang kita sayangi dan kasehi.

Masharakat kita sekarang ini menumpukan pandangan-nya terhadap 'Sekolah' atau 'Taman Bimbingan' yang menjadi pusat pendidekan untok mendidek anak2 kita dengan harapan supaya anak2 kita dapat di-didek atau di-asoh untok menulis, mengira, membacha dan melukis sahaja sa-bagaimana sangkaan bagi sa-tengah2 orang; tetapi sebenar-nya pendidekan ada-lah merangkumi lebeh meluas lagi ma'ana-nya daripada apa yang di-sangkakan itu.

Sebenar-nya, yang amat penting kanak2 di-sekolah atau di-taman bimbingan, hendak-lah di-didek dengan penoh didekasi oleh para guru yang berkelayakan dan berkemahiran bagi mengasoh anak2 kita supaya menjadi anak2 yang berkembang subor semangat rohani dan jasmani-nya dengan tidak lupa memikirkan untok menyuborkan beberapa perkara lain saperti didekan mereka supaya menjadi sa-orang Islam, menyuborkan bakat, berdisiplin serta nilai2 kemanusiaan yang baik dan tinggi, berperibadi, semangat bekerjasama, bersatu padu, bergotong-royong dan setia kawan.

Majlis di-mulakan dengan uchapan2 ia-itu dari Pengerusi Majlis, Dayang Sharifah Nor binte Syed Ibrahim dan wakil para ibu-bapa TABIKA, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Rabaha dan seterus-nya do'a selamat.

Achara persembahan2 juga di-hidangkan kapada para ibu-bapa pada petang itu dan di-ikuti dengan penyampaian sijil2 telah di-lakukan oleh Dayang Hajjah Rashidah binte Haji Ariff dan penyampaian hadiah2 di-lakukan oleh Dayang Siti Zaleha binte Omar.

### HARI DOKUMENTASI

Taman Bimbingan Nusa Laila Puteri, telah berjaya mengadakan Hari Dokumentasi, bulan lalu, berthema "Pendidekan untok membentok umat Islam yang sa-jati dan kaseh sayang kapada Raja, Bangsa dan Tanah Ayer".

Hari tersebut telah di-rasmikan oleh Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Awang Abdul Ghani Bujang. Penasehat dan Pentadbir TABIKA Nusa Laila Puteri telah di-tubohkan dan berharap beberapa buah chabang-nya di-negeri ini juga akan di-tubohkan tidak berapa lama lagi.



## Berkursus di-UK.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghadiri satu kursus kaki-tangan tentera di-maktab kaki-tangan tentera di-Camberley Surrey England.

Beliau ia-lah Major Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad dan akan menghadhiri kursus tersebut sa-lama 11 bulan dan beliau akan berlepas ka-United Kingdom pada 4hb Januari, 1980.

# 31 REKOD BARU DI-CHIPTA DARI 51 ACHARA

BELIA DAN SOKAN

**GADONG. — Sa-banyak 31 rekod baru telah di-chipta dari 51 achara yang telah di-pertandingkan dalam temasha Sokan Tahun Perengkat Sa-Negeri bagi Sekolah2 Menengah Bawah** kali ketujoh, yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah Pulis Diraja Brunei, di-sini baru2 ini.

Rekod baru ini merupakan yang terbesar yang pernah di-chipta dalam pertandingan tersebut, ia-itu, sa-banyak 21 achara track dan 10 achara padang (60 peratus).

Lari 110 meter Lompat Pagar lelaki 'D' dengan masa-nya 15.6 sa'at di-buat oleh Suhaimi Haji Metali dari SOAS (J) yang telah memecahkan rekod yang di-buat oleh Abdullah Jamaluldin (SMJA) dalam tahun 1976 dengan masa-nya 17.9 sa'at.

Lari 110 meter Lompat Pagar lelaki 'C' di-buat oleh Yanie Taha dari SOAS (J) dengan masa-nya 18.0 sa'at berbanding dengan rekod lama tahun 1978 yang di-chipta oleh Ak. Ismail Pg. Ahmad (SPI. A/Desa) dengan masa-nya 19.6 sa'at.

Lari 110 meter Lompat Pagar lelaki 'B' di-buat oleh Nazim Harris (MMPSBS) dengan masa 17.9 sa'at berbanding 20.0 sa'at di-chipta dalam tahun 1978.

Lari 100 meter Lompat Pagar perempuan 'A' di-buat oleh Amy Mok (St Angela Convent, Seria) dengan masa 19.2 sa'at berbanding 20.3 sa'at di-chipta dalam tahun 1977.

Lari 800 meter lelaki 'D' di-buat oleh Yassin Abdullah SOAS (J) dengan masa 2 minit 16.9 sa'at berbanding 2 minit 22 sa'at di-chipta dalam tahun 1976.

Lompat Tinggi lelaki 'C' di-buat oleh Jan Tze Hang (St. Andrew's) dengan lompatan sa-jauh 1.65 meter berbanding 1.56 meter dalam tahun 1978.

Lompat Kijang lelaki 'D' di-buat oleh Razali Ahmad dengan lompatan 12.41 meter berbanding 12.4 meter dalam tahun 1977.

Lompat Bergalah lelaki 'C' di-buat oleh Mohammad Mat Zain (SMMAT) dengan lompatan sa-tinggi 2.64 meter berbanding 2.44 meter dalam tahun 1977.

Lompat Kijang lelaki 'B' di-buat oleh Lim Soon Kioung (Chung Hwa) dengan lompatan 10.56 meter berbanding 10.06 meter dalam tahun 1976.

Lontar Lembing lelaki 'D' di-buat oleh Lim Soon Lai (Chung Hwa) dengan lontaran 45.77 meter berbanding 40.49 meter dalam tahun 1977.

Lompat Jauh lelaki 'B' di-buat oleh Yap Lip Yong (Chung Hwa, Belait) dengan lompanan 4.81 meter berbanding 4.64 meter dalam tahun 1975.

Lontar Lembing di-buat oleh Tan Voon Fong (SM CH Belait) dengan lontaran 41.77 meter berbanding 38.01 meter dalam tahun 1978.

Lompat Jauh perempuan 'B' di-buat oleh Liu Mee Lang (SMCH Belait) dengan lompatan 4.33 meter berbanding 4.21 meter dalam tahun 1976.

Lontar Lembing lelaki 'B' di-buat oleh Ramli Salleh (SPI Sengkurong) dengan lontaran 32.2 meter berbanding 26.65 meter dalam tahun 1978.

Lompat Jauh lelaki 'D' di-buat oleh Mejidi Ghani (AAC Seria) dengan lompatan 6.08 meter berbanding 5.65 meter dalam tahun 1977.

Lari 110 meter lelaki 'A' di-buat oleh Aini bin Jukin (SPI Haji Tarif) dengan masa 13.6 sa'at berbanding 14.5 sa'at dalam tahun 1975.

Lari 100 meter lelaki 'B' di-buat oleh Simon Wan (St Michael, Seria) dengan masa 12.7 sa'at berbanding 13.2 sa'at tahun 1975.

Lari 100 meter lelaki 'C' di-buat oleh Johnson Juti (SISB Tutong) dengan masa 11.8 sa'at berbanding 12.1 sa'at dalam tahun 1975.

Lari 100 meter lelaki 'D' di-buat oleh Ong Chung Ang (St Margaret Seria) dengan masa 11.7 sa'at berbanding 12 sa'at dalam tahun 1977.

Lari 100 meter perempuan 'A' di-buat oleh Chea Wann Dee (St Angela's Seria) dengan masa 13.9 sa'at berbanding 15.2 sa'at dalam tahun 1965.

Lari 100 meter perempuan 'B' di-buat oleh Wong Siew Yew (St Margaret Seria) dengan masa 14.0 sa'at berbanding 14.1 sa'at dalam tahun 1976.

Lari 200 meter lelaki 'A' di-buat oleh Pau Gee John (St Andrew Brunei) dengan masa 29.1 sa'at berbanding 30.3 sa'at dalam tahun 1975.

Lari 200 meter lelaki 'B' di-buat oleh Ariffin Besar (SPI Sengkurong) dengan masa 25.6 sa'at berbanding 28.95 sa'at dalam tahun 1976.

Lari 200 meter lelaki 'C' di-buat oleh Johnson Juti (SISB Tutong) dengan masa 24.1 sa'at berbanding 26.7 sa'at dalam tahun 1978.

Lari 200 meter lelaki 'D' di-buat oleh Mejidi Ghani (AAC Seria) dengan masa 23.0 sa'at berbanding 25.1 sa'at lalam tahun 1978.

Lari 200 meter perempuan 'B' di-buat oleh Christine Lee (St Andrew's Brunei) dengan masa 29.5 sa'at berbanding 31.8 sa'at dalam tahun 1976.

Lari 400 meter lelaki 'C' di-buat oleh Azmain Julaihi (St John's Belait) dengan masa 0.58 sa'at berbanding 1.03 sa'at dalam tahun 1976.

Lari 1,500 meter lelaki 'D' di-buat oleh Sh. Aubid Sh. Nekman (SMJA) dengan masa 4 minit 47 sa'at berbanding 4 minit 54 sa'at dalam tahun 1975.

Lari 4 x 100 meter Berganti2 lelaki 'A' di-buat oleh Sekolah Persediaan Tutong dengan masa 59 sa'at berbanding 59.3 sa'at dalam tahun 1976 oleh SPI Gadong, Brunei.

Lari 4 x 100 meter Berganti2 lelaki 'B' di-buat oleh SPI Sengkurong dengan masa 51.6 sa'at berbanding 55.9 sa'at dalam tahun 1977 oleh SPI, OKSB, Kilanas.

Lari 4 x 100 meter Berganti2 lelaki 'C' di-buat oleh SISB, Tutong dengan masa 49.2 sa'at berbanding 51 sa'at dalam tahun 1976 oleh St. Andrew's, Brunei.

Lari 4 x 100 meter Berganti2 lelaki 'D' di-buat oleh AAC, Seria dengan masa 46.5 sa'at berbanding 48.1 sa'at dalam tahun 1978 oleh AAC, Seria juga.

Lari 4 x 100 meter Berganti2 perempuan 'B' di-buat oleh St Angela's, Seria dengan masa 56.2 sa'at berbanding 59 sa'at dalam tahun 1976 oleh Chung



KELIHATAN Perasmian Sokan Tahunan Sekolah2 Menengah Bawah Sa-Negeri kali ketujoh yang telah di-laksanakan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Pulis Diraja Brunei, Gadong yang baru lalu.





PEGAWAI Pentadbir Jabatan Pelajaran, Awang Aliakbar bin Abu Bakar sedang menyampaikan hadiah2 kapada peserta lelaki dan perempuan di-majlis sokan tahunan Sekolah2 Menengah Bawah Sa-Negeri, yang lalu.





BUANG PELURU, Lompat Tinggi dan achara lari bagi peserta lelaki dan perempuan, diambil ketika pertandingan2 tersebut sedang di-jalankan. Sa-banyak 51 achara termasok achara track dan achara padang telah di-pertandingkan di-temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Menengah Bawah Sa-Negeri, yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Pulis Diraja Brunei, Gadong, baru2 ini.

## Perlawanan akhir B-tampar AMDB

BERAKAS KEM.—Perlawan-bolatempar perengkat akhir antara yunit2 pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah dilangsongkan di-sini minggu lalu. Tempat pertama telah dimenangi oleh Kompeni Pemerentah sa-telah mengalahkan Kompeni A. Ini merupakan perlawanan akhir tahun ini, dan merupakan perlawanan tahunan yang akan di-adakan lagi pada tahun 1980 akan datang.

Hadiah dan piala2 pusingan perlawanan itu telah di-sampaikan oleh Pemerentah Batalion Pertama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Leftenan Kolonel Dato Muhammad.

Yang Berhormat Pehin itu juga telah menyampaikan piala pusingan bagi juara kompeni dalam semua kegiatan sokan tahun ini yang telah dimenangi oleh Kompeni A. Achara itu merupakan projek tahunan pasokan AMDB.





# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## Sa-bagai Tentera Berjalan-kaki

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji pokok $433.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dengan gaji pokok $473 tidak termasok elaun chatuan $162.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistemewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.

SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor $17\frac{1}{2}$-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.





## Anggota Angkatan Laut

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantong kapada kelayakan :
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan sa-banyak $162.00 sa-bulan.
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistemewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti elaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.

SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Mealyu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujan atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor $17\frac{1}{2}$-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.
9. Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb Januari, 1980.

**Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediaakn dan hantarkan kapada :**

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**BOLKIAH KEM, BRUNEI**
**Talipon 23531 sambongan 01 atau 02.**

## PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menchabar dan yang berharga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasokan ini. Pasokan ini ada-lah sa-buah pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untok di-lateh sa-bagai pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, saperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu Awang untok di-lateh dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa Awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran yang baik. Oleh yang demikian memohon-lah untok di-temuduga. Temuduga yang akan datang di-adakan dalam bulan April 1980. Awang2 hendak-lah menghantar permohonan bertulis kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan Awang2 memenohi sharat2 yang berikut bagi membolehkan Awang2 memasoki-nya.

a. Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, Awang2 mesti-lah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertaklok kapada sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan kebangsaan-nya.

c. **Bahasa**

1. Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1979. Keistemewaan akan di-berikan kapada Awang2 yang berjaya untok mempelajari bahasa Inggeris.
2. Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris tahun 1979.

d. Berumor di-antara $17\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 21hb Mei, 1980 dan maseh bujang.

e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika Awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, Awang2 akan menjalani latehan asas tentera di-Pusat Latehan, Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untok latehan lanjutan, tertaklok kapada tamat latehan, sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai di-dalam pasokan ini.

Jika Awang2 memerlukan sa-barang maklumat sila-lah berhubong terus kapada Penolong Timbalan Adjutan Agong, Askar Melayu Diraja Brunei nombor talipon 25581 sambongan 194.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..........

No. Kad Pengenalan : .......... Warna : ..........

Tarikh lahir : .......... Tempat lahir : ..........

Alamat : ..........

Nama Warith : .......... Hubongan : ..........

Alamat Warith : ..........

Nama Sekolah : ..........

Tingkatan : ..........

Kelulusan : ..........

Kerjaya yang di-pileh : ..........

No. Talipon : ..........

Tarikh : ..........

Tanda Tangan

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JAWATAN2 KOSONG DI-JABATAN TANAH, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari-pada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 ko-song yang berikut di-Jabatan Tanah, Brunei..

1. PENOLONG PENAKSIR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah ber-umor tidak kurang dari 18 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya de-ngan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab.

b) Mereka hendak-lah biasa dengan kerja2 sukat me-nyukat dan pemeta'an dan hendak-lah berkebolehan membacha peta2 bangunan dan juga menyukat dan mengira keluasan.

c) Pengalaman dalam meme-reksa tanah dan bangunan dan menyediakan laporan bertulis termasok data yang menentukan nilai harta benda ada-lah menjadi satu keutamaan.

**Tugas2 :**

Untok membuat pemereksaan dan laporan terhadap harta benda termasok tanah dan ba-ngunan2 di-mana taksiran di-perlukan untok mengira chukai pindah milek atau chukai pu-saka, atau bagi harta benda yang di-perlu di-ambil untok kegunaan awam. Membantu dalam kerja2 penganalisaan harga2 jual beli, harga dan se-wa bangunan dan untok me-nyimpan rekod taksiran2 yang telah di-buat.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. PEMEREKSA TANAH :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei aliran Melayu atau Ing-geris dengan mendapat ke-pujian dalam Ilmu Hisab.

c) Pemohon2 yang mempu-nyai kelulusan pelajaran yang kurang daripada yang di-sebutkan di-atas, tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 tanah akan juga di-pertimbangkan.

d) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengetahuan yang baik mengenai Ilmu Alam tempatan.

**Tugas2 :**

Untok memereksa dan mela-porkan terhadap tanah2 yang di-pohonkan untok di-tukar sha-rat, di-gadai dan lain2; atau terhadap tanah yang akan di-ambil balek bagi kegunaan awam dan menyediakan me-lumat2 untok kegunaan penak-siran bagi mengira chukai setem ka-atas pindah milek. Pemerek-sa Tanah hendak-lah boleh menjalankan kerja2 pengukor-an yang mudah dan menyedia-kan pelan menurut sukatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

3. TUKANG LUKIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 18 tahun dan lulus Tingkatan II Me-layu atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chalon2 mesti-lah mempu-nyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman melukis pelan yang mudah.

**Tugas2 :**

Menyalin semula pelan atas kertas transparent dan dari itu ia mesti-lah biasa mengguna-kan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Februari, 1980.

(E/303/72 — Bil : 185/1979)

## Sa-bagai Jurutrengkas Inggeris

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juru-trengkas Inggeris di-dalam Per-khidmatan Kerajaan.

**Kelayakan2 :**

Menchatet trengkas 80 psm dan menaip 40 psm dan lulus SAP/Sijil Persekolahan Cam-bridge dengan mendapat kelulu-san 'O' Level/Credit dalam se-kurang2-nya 3 matapelajaran termasok Bahasa Inggeris.

**'AM :**

Chalon2 di-kehendaki men-jalani ujian kepentasan Treng-kas dan Menaip.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong ka-pada kelayakan2 dan pengala-man.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati dari-pada Jabatan Perjawatan, Bru-nei dan hendak-lah di-kembali-kan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1980. (E/261/54/Pt. II — Bil: 182/1979)

## PLACE OF DETENTION JERUDONG BRUNEI

### TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board, Brunei at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00pm, on Monday 21st January, 1980 for "UNCOOKED RATIONS". for DETAINEES of Place of Detention Jerudong, Brunei from 1st April, 1980 to 31st March, 1981.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Beras (Rice) | per lb |
| 2. | Ikan Hidup/Udang No. 1 atau No. 2 (Fresh Fish/Prawns) | per lb |
| 3. | Daging Kerbau | per lb |
| 4. | Ayam (Berseh Bulu) Dressed Chickens | per lb |
| 5. | Sayor Daun (Sawi, Bayam, Lobak Kangkong dan lain2) | per lb |
| 6. | Sayor Buah (Kachang Panjang, Kachang Bonches, Petola, Labu Manis dan lain2) | per lb |
| 7. | Ubi Kentang | per lb |
| 8. | Roti paun | per lb |
| 9. | Telor Ayam | each |
| 10. | Buah buahan (Fresh Fruits) | each |
| 11. | Kopi (Chap Bas) | per lb |
| 12. | Teh (Lipton) | per lb |
| 13. | Susu Manis (Milkmaid) | per lb |
| 14. | Susu Powder (Everday) | per lb |
| 15. | Horlicks | per lb |
| 16. | Mentega (Golden Churn) 1lb Tin | per lb |
| 17. | Jam (1 lb Bottle) | per lb |
| 18. | Kaya | per lb |
| 19. | Gula (Gula Puteh) Sugar | per lb |
| 20. | Minyak Makan (Coconut Oil) | per lb |
| 21. | Garam (Salt) | per lb |
| 22. | Asam | per lb |
| 23. | Rempah Serbok | per lb |
| 24. | Rempah Kunyit | per lb |
| 25. | Chili Hidup | per lb |
| 26. | Chili Kering | per lb |
| 27. | Bawang Merah | per lb |
| 28. | Bawang Besar | per lb |
| 29. | Kachang Hijau/Ubi Manis atau lain2 jenis Ubi | per lb |
| 30. | Kelapa Tua (Coconut) | each |
| 31. | Rokok 555 (10 batang) | per Pkt |
| 32. | Machis | per Pkt. |

Tenders received after this date will be rejected.

The quality and quantity of rations supplied must be to the satisfaction of The Superintendent Place of Detention Jerudong, if not to his satisfaction, then the ration must be returned to the Contractor and replaced by their equivalent or better at the original price, meat and fish should not include bones and the meat should not be injected with water.

The Superintendent, Place of Detention Jerudong, will issue instruction on amount of rations required each evening. All rations should be delivered daily at the Place of Detention, Jerudong not later than 7.00 am. The Contract may be termi-nated by either side giving one month notice in writing. Tenders must be placed in a plain envelope and must be no indication on the cover of the tenderer. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board Brunei at the address given in para 1 above. Tender deposit will be $100.00 to be paid into the State Treasury, Brunei and receipt to accompany the tender.

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from registered Electrical Class B Contractors and above, by the Chairman of the Tenders Board, at the office at the State Finan-cial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Bega-wan, Brunei up until noon on Tuesday 1st January, 1980 for :

ARMY WORK SERIA — ELECTRICAL INSTALL-ATION FOR JRC, TEM-PLE, MARRIED QUAR-TERS AND SINGLE SGTS QUARTERS.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Ten-derer.
4. The cover must be address-ed to the Chairman of the Ten-ders Board and endorsed as ARMY WORK SERIA — ELECTRICAL INSTALL-ATION FOR JRC, TEM-PLE, MARRIED QUAR-TERS AND SINGLE SGTS QUARTERS.
5. Tender Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 12th December 1979, during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful ten-derers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any anteder.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF RACKS FOR THE PROPOSED MIS-CELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS, PHASE I, TO THE MAIN STORE EXTENSION FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI.**

1. TENDER will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, Brunei from Specialist and Local Agent of Manufacturers and Registered Public Works Department Contractors, Class "A" for the above mentioned work up to 12.00 Noon, 8th January 1980 (Tuesday).
2. Tender documents consis-ting of Form of Tender, Conditions of Contract, Articles of Sub-Contract Agreement, Specification and Layout Plan and detailed drawings can be obtained from the office of M/s. Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Bega-wan, Brunei.
3. All drawings are displayed and can be examined at the said office.
4. The tender deposit will be Brunei $1,000.00 in the form of cheque and refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of deposit receipt, tender documents and drawings on or before the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to sub-mit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.
5. Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 8th January, 1979 (Tuesday). Ten-ders received after the stipulat-ed time will be rejected.
6. Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of Tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SUPPLY, DELIVERY INSTALLATION OF RACKS FOR THE PROPOSED MIS-CELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS PHASE I, TO THE MAIN STORE EXTENSION FOR THE RBMR, 1ST PLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI".
7. Our Client, the Govern-ment of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## BRUNEI GOVERNMENT TENDER NOTICE SIXTH FORM CENTRE JALAN GADONG

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board at the Office of the State Financial Officer, Secre-tariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for:—

LANDSCAPING AT SIXTH FORM CENTRE, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tender documents, dra-wings and Bills of Quantities may be obtained from the office of:—

Singapore Associate Architects
Room 16, 2nd Floor Hong-Kong Bank Chambers
Jalan Chevalier/Sultan
Bandar Seri Begawan
Brunei

from the 19th December 1979 onwards during normal office hours.

3. The tender deposit is $500.00 (Dollars Five Hundred only) made in favour of Singapore Associate Architects and is refundable to all bona fide tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of tender documents and drawings in good condition on or before the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the tender documents to the Archi-tect's office before the closing date. Tenderers will have to bear cost of any damage to tender documents issued to them, any such cost will be deducted from the tender deposit.
4. Tenders must be placed in the envelope provided and must not bear any identification of the name of the tenderer.
5. Tenders are to be submitted and must reach the office of:—

The Chairman
Tenders Board
Bandar Seri Begawan
Brunei

not later than 12.00 noon, 8th January 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

6. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR CHEMICAL CLEANING FACILITIES FOR WORKSHOP EXTENSION, FLOTILLA BASE, MUARA

1. TENDERS will be recei-ved by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Contractors and Specialist and Local agent of manufacturers up to 12.00 noon, 29th January 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be sub-mitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR CHEMICAL CLEANING FACILITIES FOR WORKSHOP EXTEN-SION, FLOTILLA BASE, MUARA".
4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours from 2nd January 1980 onwards.
5. The Tender Deposit will be B$1,000.00 (Brunei Dollars: One Thousand) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei
6. The Tender Deposit will not be refunded to the success-ful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender dra-wings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Supply of 4000 metric tons sugar — Sintako Co — $986.00, FREE OUT.

2 Marine Cargo Insurance for Government Rice Shipment (no 47/79) — Stenhouse Insurance Services Ltd — 0.85% of the total sum insured

3 Supply of 500 stackable chairs for Civic Centre Tutong — Sinma Gen Cont Co — $18.00 each — 30 days.

4 Supply of mail sorting fittings and postman preparation fittings — Ace Agencies — $1,250 per 12 units of 48 boxes each and $980 per 28 units of 28 boxes each.

5 Supply of perishable foodstuffs to schools and colleges for 1980.

1980 rations — Sh Sumbar Bahagia — $402,455.60 SM Arab Laki2 Hassanal Bolkiah — Awang Serail bin Md Salleh — $351,306.36

6 Supply of perishable foodstuffs to SUM Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit — 1980 — Haji Tengah bin Ahmad — $427,774.50.

7 Supply, installation and commissioning of woodworking machines for Force Workshop, Bolkiah Camp — Para-mount (B) Pte Ltd — $49,896.40.

8 Workshop at the Marine Police Base, Muara — Wong Hee Kee & Co — $1,708,335.50.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

1. JURUTAYANG:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun dan sekurang2-nya berada dalam Tingkatan II Melayu dan Inggeris atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Pemohon2 sekurang2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Jurutayang sa-lama satu tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. PEMANDU TINGKATAN I:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Kelas III dan atau V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 4-5 EB. 6 — $389-395-402-408-414-427-440 /EB/ 453-465-478-491-504-516.

3. PEMANDU TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Kelas III dan/atau V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Keutamaan akan di-beri kapada bekas perajurit Askar Melayu Diraja Brunei atau bekas anggota pulis yang mempunyai pengalaman yang berkenaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Februari, 1980.

(E/794/77 — Bil: 186/1979)

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE VEHICLES AND STORES

LOT 58

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.

2. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financal Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 a.m. 19th January, 1980.

3. Tenders received after this time will be rejected.

4. Vehicles and goods may be viewed in RSSD Logistics compound Bolkiah Camp until 11.00 a.m. 18th January, 1980.

5. Tenders must be placed in a plain sealed envelopes. There must be no indication of the name of the tenderer.

6. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 58 RBMR).

7. Any tender received in an envelope not properly addressed will be rejected.

8. Vehiclo and goods are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.

9. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| S/No. | ITEM | QTY. |
|---|---|---|
| 1. | Truck ¾ Ton G 4x4 L/Rover | 2 |
| 2. | Trailer Water 200 Gall | 2 |
| 3. | Ground Power Unit Trailer | 1 |
| 4. | Battery | 92 |
| 5. | Canopy L/R & B/P | 32 |
| 6. | Hydraulic Fluid Replenishment RIG | 1 |
| 7. | Engine Oil Replenishment RIG | 1 |
| 8. | Outer Cover 15 x 14 | 16 |
| 9. | " " 70 x 16 | 191 |
| 10. | " " 70 x 14 | 20 |
| 11. | " " 65 x 16 | 18 |
| 12. | " " 65 x 17 | 2 |
| 13. | " " 65 x 20 | 2 |
| 14. | " " 60 x 16 | 50 |
| 15. | " " 100 x 20 | 1 |
| 16. | " " 110 x 20 | 31 |
| 17. | Inner Tube | 51 |
| 18. | Panel Generator Assy | 1 |
| 19. | Alternator | 13 |
| 20. | Starter Motor | 12 |
| 21. | Gear Box Ass | 2 |
| 22. | Control Unit | 2 |
| 23. | Fly Wheel | 3 |
| 24. | Cylinder Hea | 1 |
| 25. | Brake Servo | 2 |
| 26. | Prop Shaft | 3 |
| 27. | Steering Box | 1 |
| 28. | Silencer Sank | 1 |
| 29. | Steering Rela | 2 |
| 30. | Steering Whe | 1 |
| 31. | Drik Ling | 4 |
| 32. | Compression Tester | 1 |
| 33. | Tester Set Cylinder Compression | 1 |
| 34. | Oxygen Regulator | 1 |
| 35. | Pen Engraving Electric | 1 |
| 36. | Scrap Metal | 4 Ton |

### Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for:

1) CAT 3 — TENDER No. PCS/174-79
Renovation of S Situfoam 'A'.

2) CAT 3 — TENDER No. PCS/171-79
Renovation of E0 staff wooden bungalows.

3) CAT 3 — TENDER No. PCS/172-79
Renovation of S Converted Double Situfoam 'B'.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Di-Jabatan Setor dan Perbekalan, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan2 Setor2 dan Perbekalan2 Negara Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN KHAS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah berumor tidak lebeh dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei aliran Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan (Penyelenggara Setor Tingkat I) dalam Penyelenggaraan Setor. Pengalaman dalam penyelenggaraan setor2 alat-ganti dan pembelian sa-tempat ada-lah satu kelebehan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 penyelenggaraan setor.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931 - 956 - 982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 18 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengan-nya. Pengetahuan dalam kerja2 penyelenggaraan setor ada-lah satu kelebehan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Februari, 1980.

(E/996/75 — Bil: 188/1979)

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 190 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st January, 1980 for: —

CONSTRUCTION OF VARIOUS SIZES OF R.C. PIPE CULVERTS AND 18 IN. R.C. ROAD SIDE DRAINS FOR THE ACCESS ROAD TO RE-SETTLEMENT AREA AT KAMPONG MATA-MATA OFF JALAN CA-

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Ser iBegawan, Brunei.

### No. 191 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th January, 1980 for:—

SUPPLY OF 2,000 CU. YDS CRUSHER-RUN STONE FOR BRUNEI GOVERNMENT RICE PROJECT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi: —

1) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/174-79**
Membaiki dan menchat semula Situfoam 'A' bagi SSS.

2) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/171-79**
Membaiki dan menchat semula rumah2 papan bagi Kakitangan di-E20.

3) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/172-79**
Membaiki dan menchat semula rumah Situfoam 'B' yang telah di-ubah bagi SSS.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

### Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi: —

1) **Kategori 9 & 32 Tawaran No. ECO/165-79**
Membena dam memasang paip2 bagi sebatang saloran 4 inchi besar-nya untok LLG dan sebatang saloran 4 inchi besar-nya untok Butane dari Lorong Satu Timor ka-BLNG di-Lumut.

2) **Kategori 35A Tawaran No. FOS/170-79**
Penyenggaraan Am (Merawat dan Membaiki) Jentera/Peralatan Pejabat.

3) **Kategori 3 & 4 Tawaran No. PCS/168-79**
Menggantikan pagar 740 f.r. kapada halaman SSU Yard (Yard Minyak).

4) **Kategori 27 Tawaran No. OPD/167-79**
Kerja2 penyenggaraan saloran2 di-antara Kuala Belait dan Anduki.

5) **Kategori 15 Tawaran No. SSU/155-79**
Peruntokan bagi Truck2 yang mempunyai alat2 pemuatan sendiri.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat Minyak Shell Berhad.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT
## TENDER NOTICE No. 5/1979

### TAILORING AND SUPPLYING MATERIAL FOR FIRE BRIGADE UNIFORMS

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday 27th December, 1979 for Tailoring and Supplying Material for Fire Brigade Uniforms. Tenderer are required to quote prices per piece/suit for the supply and Tailoring of the following uniforms: —

1. **Blue Dungaree**
   1. 18″ Splitzip fastener jacket long sleeves with trousers — $ ........ per suit
   2. 18″ Splitzip fastener jacket — $ ........ per piece
   3. Trousers for above — $ ........ per pair
2. **Tunic Tet/Viscose Material**
   4. Tunic, short sleeve with trousers for Officers — $ ........ per suit
   5. Tunic, short sleeve for above — $ ........ per piece
   6. Tunic, long sleeve with trousers for officers No. 1 Dress — $ ........ per suit
   7. Tunic, long sleeve for above — $ ........ per piece
   8. Tunic, long sleeve with trousers for firemen No. 1 Dress — $ ........ per suit
   9. Tunic, long sleeves for above — $ ........ per piece
   10. Tunic, long sleeve with trousers extra inner lining for officer — $ ........ per suit
   11. Tunic, long sleeve for above — $ ........ per piece
   12. Trousers for above items — $ ........ per pair
3. **White Drill Material**
   13. Shirt short sleeve for male cook — $ ........ per piece
   14. Trousers for above — $ ........ per pair
4. **White Tetron Material**
   15. Bajus for female cook — $ ........ per piece
   16. Sarong for above — $ ........ per piece
5. TAILORING WORKMANSHIP only of which the cloth "DECRON GREEN MATERIAL" to be provided by the Fire Brigade Department: —
   17. Shirt, short sleeve for firemen — $ ........ per piece
   18. Trousers for above — $ ........ per pair

Details of the uniforms material can be obtained from the officer-in-charge, General Store, Fire Brigade Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All uniforms must be tailored within reasonable time to the satisfaction of the Controller of Fire Brigade, if not to his satisfaction, the uniforms will be returned to the Contractor who will make the necessary improvements without extra charges.

Tenders must be placed in plain sealed envelope and "Supplying Material For Fire Brigade Uniforms". The name of the tenderer must not appear on the envelope.

Tenders received atfer the abovementioned time will be rejected. The period of contract of the above tender is one year. Contract may be terminated by either party giving one month notice in writing.

The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

# GURU2 SA-BAGAI PENGHUBONG ANTARA KERAJAAN DENGAN ORANG RAMAI

BANDAR SERI BEGAWAN.— Berdasarkan kedudokan profeshen serta status kemasharakatan mereka sa-bagai guru, yang terpandang dan di-perchayai oleh orang ramai, maka guru2 itu ada-lah menjadi penghubong antara Kerajaan dengan orang ramai untok menimbulkan suasana bersafahaman yang betul mengenai hal ehwal Kerajaan — mereka juga bukan dari kalangan yang terkeliru dan mudah di-kelirukan.

Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, menekankan demikian ketika beruchap di-majlis perasmian Kursus Sivik Guru2 Sekolah2 Rendah Sa-Negeri kali ke-11, yang telah di-langsongkan di-surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sini Ahad lalu. Majlis tersebut di-rasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, sa-laku wakil peribadi Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM.

Menurut Awang Haji Badaruddin, sebab pun guru2, penuntut2, penghulu2, ketua2 kampong dan ketua2 rumah panjang menjadi target dalam gerakan sivik melalui kursus2 sa-umpama itu bukan-lah dengan berkeperchayaan yang mereka itu dari kalangan2 yang salah faham mengenai hal ehwal Kerajaan, akan tetapi pada asas-nya mereka itu ada-lah kalangan yang dapat menolong membetulkan salah faham itu dari merebak di-kalangan masharakat terbanyak. Ini ia-lah kerana mereka itu juga ada-lah sedia dengan kedudokan yang terpandang dalam masharakat serta di-perchayai berpengaroh untok menimbulkan suasana bersafahaman yang betul mengenai hal ehwal Kerajaan.

Tambahan pula, sambong beliau, guru2, penuntut2, penghulu2, ketua2 kampong dan ketua2 rumah panjang itu di-sedari datang dari hampir sa-genap lapisan masharakat kita, maka patut munasabah-lah mereka itu di-jadikan target untok menyebarkan fahaman yang betul itu kapada sa-genap lapisan masharakat dari mana mereka itu datang.

"Dalam pada itu, perlu-lah di-jelaskan di-sini bahawa kita tidak mendakwa yang anggapan salah dan keliru terhadap hal ehwal Kerajaan telah tiada lagi. Bukan itu yang kita maksudkan, dan memang dakwaan sedemikian itu tidak tepat."

Apa yang sebenar-nya jelas beliau, ia-lah kita sentiasa menginsafi bahawa perkembangan hal ehwal sa-masa (current affairs) sa-kitar Kerajaan dan negeri kita ini perlu selalu di-beri sorotan yang betul lagi tepat. Saloran bagi penyorotan itu tentu-lah sa-bahagian-nya dapat di-alirkan melalui gerakan2 kursus sivik," jelas-nya.

Alhamdulillah, tambah-nya lagi, sa-telah kursus2 sivik di-lancharkan dan terus menerus di-adakan dari masa ka-semasa, pandangan yang kabur, sikap yang keliru dan fahaman yang salah mengenai Kerajaan dan hal ehwal-nya dapat di-kawal dari merebak dan menular. Maka perlahan2 orang ramai mendapat penjelasan2 yang munasabah tentang sa-suatu perkara yang mereka mushkilkan. Dan perkembangan sa-lanjut-nya ia-lah imej Kerajaan dalam perkara2 tertentu telah jelas sa-hingga meningkatkan prestasi-nya.

Menurut beliau, kursus sivik itu juga memberi peluang para peserta mengikuti penerangan2 dan perbinchangan2 yang berupa sorotan2 mengenai hal ehwal Kerajaan saperti: Taraf Pemerentahan Negeri Brunei sa-panjang perjanjian dengan Great Britain; Masaalah Keselamatan; Penyalahgunaan Dadah Berbahaya dan beberapa aspek2 lain dalam bidang pelajaran.

Kursus yang berjalan sa-lama lima hari itu dan berakhir esok itu juga memberikan peluang sampingan kapada peserta kursus latehan amali menyempurnakan mayat dan menyembahyangkan-nya, achara2 sembahyang berjemaah dan beramah mesra dengan pemimpin2 Kerajaan dan beberapa orang kenamaan yang dapat menghidupkan kursus dengan mengeratkan hubongan serta persafahaman sa-sama kita yang berada di-dalam Kerajaan dan sama2 mendukong-nya.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

## Guru2 ada-lah sa-bagai 'indung'

Dari muka 1

mereka bagi menchapai maksud memenohi keperluan2 yang berbangkit berikutan perkembangan sekitar hal ehwal kerajaan.

Di-samping itu Yang Teramat Berhormat Pehin Isa mensifatkan bahawa salain menjadi pendidek guru2 juga mengambil peranan sa-bagai 'indung' kapada kumpolan orang ramai dan ini juga boleh di-sifatkan sa-bagai ejen bagi menghubongkan orang ramai dengan kerajaan.

"Dan kerana tuan2 dan puan2 ia-lah juga sa-bahagian jentera kerajaan, maka ada-lah mustahak pula tuan2 dan puan2 di-libatkan dalam perkara yang berhubong dengan hal ehwal kerajaan bagi mengesankan-nya kapada orang ramai", ujar Yang Teramat Berhormat.

Menerusi kursus itu Yang Teramat Berhormat berharap sa-bagai pendukong kerajaan guru2 sepatut-nya menimbulkan suasana kebajikan dan keselamatan dengan niat baik dalam memainkan peranan masing2 sesuai dengan hasrat kerajaan yang sentiasa berhasrat baik bagi kesejahteraan jangka panjang untok raayat dan negara keselurohan-nya.

"Sa-lama mana kita dalam niat baik itu terutama tuan2 dan puan2 yang berada di-tengah2 orang ramai sa-bagai guru dan 'indung' kapada mereka, inshaallah, mereka akan menerima baik tuan2 dan puan2 sa-bagai orang yang di-perchayai menjadi penghubong antara mereka dengan kerajaan", kata Yang Teramat Berhormat.

## Wang Shiling khas

Dari muka 1

lampau-lampau", sabda Yang Amat Berhormat itu lagi.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar seterus-nya memberitahu bahawa dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lembaga Mata Wang Brunei akan mengeluarkan wang shiling khas kenang-kenangan sambutan tahun 1400 Hijrah yang di-jangka akan siap pada pertengahan tahun depan.

Yang Amat Berhormat dengan pengeluaran shiling khas itu ia-nya akan dapat menambah seri achara sambutan berkenaan dengan mengukir sejarah kekal untok menjadi ristaan jenerasi2 yang akan datang.

Kapada jawatankuasa tertinggi sambutan Yang Amat Berhormat menguchapkan tahniah kerana dapat mengator beberapa achara dengan rapi dan teliti yang mana ia-nya dihasilkan oleh sikap yang sederhana tetapi tepat.

Dari muka 1

yangan dan siaran sa-mula semua ranchangan2 sambutan yang di-ator.

Kapada penulis2 tempatan jelas beliau di-adakan peraduan menulis skerip drama talivishen dan radio, menulis cherita dan artikel yang antara lain bertujuan untok memperbanyakkan perbendaharaan karya drama berchorak keislaman di-samping meninggikan mutu-nya.

Yang Berhormat Pehin Ratna berharap segala ranchangan2 itu akan memberi kesan kapada umat Islam di-negeri ini dalam berusaha menegakkan ajaran2 Islam yang mendalam serta tahan uji dengan penoh kesedaran dan keikhlasan kapada Allah.



**SEMINAR Pengurusan Kerajaan telah berakhir pada minggu lalu dengan penyampaian sijil2 kapada peserta2 yang di-lakukan oleh Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, bertempat di-Yunit Latehan Perjawatan.**

**Seminar sa-lama empat hari itu di-hadhiri oleh 17 orang Timbalan dan Penolong Ketua2 Jabatan serta pegawai2 kanan Kerajaan dan di-anjorkan oleh Yunit Latehan Perjawatan.**

**Seminar kali kedua itu di-beri thema "Chara menghasilkan masaalah dan keputusan" dan di-kelolakan oleh Ketua Jabatan Latehan Sharikat Minyak Shell, Awang Larry Wallace.**

**Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengadakan lawatan sengkat ka-Pusat Latehan itu untok meninjau seminar tersebut.**

**Yang Amat Mulia dengan di-iringi oleh Pemangku Pengarah Perjawatan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah di-beri penerangan mengenai berbagai aspek yang di-jalankan dalam seminar itu oleh Awang Larry Wallace saperti kelihatan dalam gambar atas.**



**Y.B. Pehin Orang Kaya Lai Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampkan sijil kapada YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Kol. ato Paduka Sulaiman bin Haji Damit, salah sa-orang yang enyertai seminar tersebut.**

## Hak lelaki dan perempuan sama

Dari muka 1

tukan hidup mati serta kehormatan maruah wanita pada keselurohan-nya.

Ini ia-lah kerana suasana dan reality masharakat kita sangat-lah berbedza dengan apa yang terdapat di-luar negeri ia-itu di-mana kita di-negeri ini dalam sa-panjang penchapaian kemajuan sentiasa bersikap sederhana yang mana ia-nya memberi peluang pada sa-genap pehak berfikir dan bertindak sa-chara munasabah terhadap soal2 kemasharakatan.

Demikan telah di-tegaskan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika beruchap di-majlis Hari Pelajar bagi Taman Asohan Pertwi yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini pada hari Jumaat yang baru lalu.

Bokti yang nyata, tambah beliau, ia-lah dari segi kemajuan pelajaran di-mana sejak bidang tersebut bergerak dalam lengkongan masa 30 tahun, peranchang2 pelajaran waktu itu telah mengambil langkah2 yang betul dengan melibatkan kanak-kanak perempuan sa-rentak dengan kanak-kanak lelaki di-seluroh negeri yang mana hingga sekarang berhasil di-mana kita tidak pernah mempertikaikan peluang2 pelajaran anak2 kita samada mereka itu lelaki atau perempuan.

Maka oleh kerana bidang pelajaran dan persekolahan itu kita anggap penting bagi menchapai taraf kemasharakatan dan ekonomi yang baik, dan persamaan kanak2 sekolah lelaki dan perempuan tidak pernah di-tikaikan maka sekali gus juga kita tidak membangkit dan mengungkit2 soal perbedzaan antara lelaki dan wanita dalam bidang peluang pekerajaan, jaminan2 kekeluargaan dan sa-umpama-nya.

"Ini-lah berkat penchapaian kemajuan dengan sikap sederhana yang munasabah yang menjadi sa-bahagian chiri terpenting dari chara hidup kita orang2 Brunei", ujar Awang Haji Badaruddin.

"Saya perchaya wanita2 kita baik sa-chara pertubohan mahupun sa-chara perseorangan tidak akan bertindak mengikut aliran dan chorak yang keterlaluan serta tidak munasabah dengan kenyataan atau reality kemasharakatan kita bahkan sa-balek-nya mereka bergerak dengan sikap mementingkan perkara2 yang menjadi tanggong-jawab dan menumpukan perhatian kapada persoalan dan kewajiban lebeh daripada persoalan hak dan persamaan lelaki dan perempuan yang idak reality di-negeri kita ini". ambah beliau sa-lanjut-nya.

Sesunggoh-nya, kata Awang laji Badaruddin itu lagi, ajarn Islam pun ada menyaranan kita, baik perempuan atau laki supaya lebeh banyak empersoalkan tanggong-jawab au kewajipan dari mempersalkan hak apa lagi kalau hak rsebut tidak mempunyai asas ntok meng'claim' atau menunt-nya.

Dengan itu kita semua, tamah-nya, tidak kira lelaki atau rempuan akan menjalankan ranan masing2 dalam memehi bidang2 yang di-tanggongwabkan samada sa-chara rasingan atau berganding ba saperti mengasoh dan mengakan saluran2 asohan kanaknak.

Mengadakan aman asohan u apa saja ama-nya yang beri saperti Taman Asohan rtiwi itu tentulah menjadi sabagian tanggong-jawab itu, jas-nya lagi.

Akan tetapi, ambah Awang ji Badaruddi hingga sekag ini tida pula ramai ong2 kita ang mengorak lgkah ka-arah memenohi kerluan ini a-hingga menialkan kekosongan oleh ong atau phak lain yang bm tentu dapat di-perchayai kaikan dan kepatutan asohan yang di-berkan-nya.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAA BRUNEI.